Dr. Mahmoud MrGlani

EDISI BARU

"Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya."

Al-Baqarah: 195

MURID SEJATI

إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُحْسِنِينَ

"Sesungguhnya Allah mengasihi golongan muhsinin."
Al-Baqarah : 195

Dr. Mahmoud MrGlani

Penterjemah:
Sofuh ShaZlee

Makkah Al-Mukarromah

Al-Madinah Al-Munawwarah

Algeria (Setif) | Mesir (Al-Manzalah) | Malaysia | Indonesia | Tunisia | Singapura

Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
Hakcipta karya asal © Dr Mahmoud MrGlani
Cetakan Pertama April 2015

Diterbitkan oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
BAIT SYDNA ABDUN NASIR AL-HASANI
No. 2 Jalan Gunung Nuang U11/9A, Bukit Bandaraya SS U11,
40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Bahan-bahan untuk buku ini telah dihimpun oleh muridin dan muridat Sidna As-Syeikh Al-Kamil As-Syarif Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili, selanjutnya digarap dan ditulis oleh Ustaz Rahmat Muhamad As-Syazili

013-6437075
rahmatshazlee@gmail.com

Penerbit Eksekutif
Dr Mahmoud MrGlani

Penulis
Dr Mahmoud MrGlani

Penterjemah
Rahmat Muhamad As-Syazili

Editor
Noormizan Ahmad

Reka Bentuk kulit & Kandungan
Abdul Jalil Shukor

Diedar Oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia

Dicetak Oleh
Percetakan FDZ
Bukit Serdang, Selangor.

Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
Rahmat Muhamad

Isi buku ini telah ku nukil dan himpun dari para junjunganku masyaikh Islam radhiyallahu anhum ajmain, serta dari pengajian, khidmat dan dampinganku kepada hadrat guruku
As-Syeikh Al-Kamil As-Syarif Abd. Nasir Al-Hasani

Daftar Isi

أعوذ بالله السميع العليم من الشيطان الرجيم بسم الله الرحمن الرحيم وصلى الله على سيدنا ومولانا محمد رسول الله صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم تسليماً كثيراً.

Aku memohon perlindungan Allah yang Maha Mendengar lagi Maha Alim dari syaitan terkutuk. Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Semoga Allah mengurniakan selawat keatas junjungan baginda nabi kami Saiyidina Muhammad Rasulullah, ahli keluarga dan para sahabatnya beserta salam yang melimpah ruah.

اللهم اجعلنا ممن لزم ملة عبدك ورسولك ونبيك سيدنا ومولانا محمد صلى الله عليه وسلم وعظم حرمته وأعز كلمته وحفظ عهدك وذمته ونصر حزبه ودعوته وكثر تابعيه وفرقته ووافى زمرته ولم يخالف سبيله وسنته. اللهم إنا نسألك الاستمساك بسنته ونعوذ بك من الانحراف عما جاء به. اللهم إنا نسألك من خير ما سألك منه سيدنا ومولانا محمد عبدك ونبيك ورسولك صلى الله عليه وسلم ونعوذ بك من شر ما استعاذك منه سيدنا ومولانا محمد عبدك ونبيك ورسولك صلى الله عليه وسلم.

Allahumma jadikanlah kami orang yang berpegang kepada agama NabiMu Saiyidina Muhammad ﷺ, jadikanlah kami golongan yang mentakzim kehormatan baginda, menjaga janjiMu dan persetiaannya, jadikan kami golongan yang memperjuangkan kelompok baginda dan dakwahnya, memperbanyak bilangan pengikut dan kumpulannya, sampaikanlah kami kepada sidangnya dan janganlah kami menyalahi perjalanan sunnahnya. Allahumma sesungguhnya kami bermohon kepadaMu akan permohonan terbaik yang dipohon kepadaMu oleh Saiyidina Muhammad hambaMu NabiMu dan RasulMu ﷺ, dan kami bermohon perlindunganMu dari kejahatan yang dipohon perlindungan darinya kepadaMu oleh Saiyidina Muhammad hambaMu NabiMu dan RasulMu ﷺ.

اللهم اعصمنا من شر الفتن وعافنا من جميع المحن وأصلح منا ما ظهر وما بطن ونق قلوبنا من الحقد والحسد والكبر والعجب والرياء. اللهم إنا نسألك الأخذ بأحسن ما تعلم والترك لسيئ ما تعلم ونسألك التكفل بالرزق والزهد في الكفاف والمخرج بالبيان من كل شبهة والفلج بالصواب في كل حجة والعدل في الغضب والرضاء والتسليم لما يجرى به القضاء والاقتصاد في الفقر والغنى والتواضع في القول والفعل والصدق في الجد والهزل.

Allahumma, peliharalah kami dari kejahatan fitnah, afiatkan kami dari segala cobaan, perbaiki pada kami segala yang zahir dan yang batin, murnikan hati-hati kami dari dendam, hasad dengki, ego, ujub dan riya'. Allahumma sesungguhnya kami bermohon kepadaMu bahawa kami mengambil apa yang terbaik

pada pengetahuanMu, dan kami meninggalkan apa yang jahat pada pengetahuanMu, kami bermohon padaMu agar Engkau menjamin rezeki kami, jadikan kami ini zuhud berpada-pada, dapatkanlah kami keluar dengan jelas dari segala syubhah, keluar dengan benar pada segala hujjah, berlaku adil tika marah dan redha, berserah diri pada ketetapan qadha' qadar, berekonomi waktu fakir dan kaya, bersikap tawadhuk pada perkataan dan perbuatan serta jujur ketika bersungguh dan bergurau.

اللهم إن لنا ذنوباً فيما بيننا وبينك وذنوباً فيما بيننا وبين خلقك. اللهم ما كان لك منها فاغفره وما كان منها لخلقك فتحمله عنا وأغننا بفضلك انك واسع المغفرة. اللهم نور بالعلم قلوبنا واستعمل بطاعتك أبداننا وخلص من الفتن سرائرنا واشغل بالاعتبار أفكارنا وقنا شر وساوس الشيطان وأجرنا منه يا رحمن حتى لا يكون له علينا سلطان. اللهم يا دافع السقم ويا بارىء النسم ويا عالمًا جميع الآلام ادفع عنا البلاء والوباء والغلاء والأمراض وموت الفجأة برحمتك يا أرحم الراحمين.

Allahumma, sesungguhnya kami ini berdosa denganMu, juga berdosa dengan makhlukMu. Ya Allah, mana-mana dosa kami padaMu mohonlah diampunkan, mana-mana dosa kami pada makhlukMu mohonlah ditanggungkan dari kami. Kayakanlah kami dengan kurnia budiMu sesungguhnya Engkaulah Tuhan yang Maha Luas ampunanNya. Allahumma, cahayakan hati-hati kami dengan ilmu, gerakkanlah badan kami pada mentaatiMu, lepaskan sanubari kami dari segala fitnah, sibuk-kanlah fikiran kami dengan mengambil iktibar, peliharakan

kami dari was-was syaitan, selamatkan kami darinya wahai Rahman supaya dia tidak berkuasa atas kami. Allahumma wahai penolak segala lara, wahai penyembuh segala sakit, wahai yang mengetahui segala derita, tolakkan dari kami segala bala, wabak, inflasi, seluruh penyakit dan kematian mengejut, dengan rahmatMu wahai Tuhan yang Maha Mengasihani.

اللهم ارحم والدينا ومشايخنا ومن علمنا ومن أدبنا ومن كان له حق علينا واغفر اللهم لهم مغفرة جامعة تمحو بها سالف أوزارهم وسيء إصرارهم وارحمهم رحمة تنير لهم بها المضاجع في قبورهم وتؤمنهم بها يوم الفزع عند نشورهم. اللهم تحنن على ضعفهم كما كانوا على ضعفنا متحننين وارحم انقطاعهم إليك كما كانوا لنا في حال انقطاعنا إليهم راحمين وتعطف عليهم كما كانوا علينا في حال صغرنا متعطفين وارض عنهم رضا تحل به جوامع رضوانك وتحلهم به دار كرامتك وأمانك ومواطن عفوك وغفرانك وأدر عليهم لطائف برك وإحسانك.

Allahumma, kasihi kedua orang tua kami, para masyaikh kami, mereka yang mengajar kami ilmu serta menunjuk kami adab dan mereka yang punya hak keatas kami. Allahumma ampunilah mereka dengan ampunan yang menyeluruh menghapus segala kesalahan lampau mereka dan kedegilan mereka pada berbuat dosa. Kurniakanlah pada mereka rahmat yang menyinari liang pembaringan mereka di dalam kubur dan mengamankan mereka saat kejutan di hari kebangkitan semula. Allahumma, simpatilah pada kedhaifan mereka sepertimana mereka telah bersimpati atas kedhaifan kami, kasihanilah berserah diri mereka padaMu

sepertimana mereka mengasihani berserah dirinya kami pada mereka, belas ihsanlah pada mereka sepertimana mereka belas ihsan terhadap kami sewaktu kecil, redhailah mereka dengan keredhaanMu yang melayakkan mereka mendapat kemuliaan dariMu, keamananMu, kemaafanMu dan ampunanMu, serta curahkanlah keatas mereka murni kurnia kebaikan dariMu dan ihsanMu.

اللهم صل على سيدنا ومولانا محمد وعلى آل سيدنا ومولانا محمد صلاة تفتح لنا بها أبواب الرضا والتيسير وتغلق بها عنا أبواب الشر والتعسير وتكون لنا بها ولياً ونصيراً أنت ولينا ومولانا فنعم المولى ونعم النصير. سبحان ربك رب العزة عما يصفون وسلام على المرسلين والحمد لله رب العالمين.

Allahumma, selawatkanlah keatas junjungan baginda nabi kami Muhammad dan keatas ahli keluarganya, dengan selawat yang membuka bagi kami pintu-pintu keredhaan dan kemudahan, selawat yang menutup dari kami pintu-pintu kejahatan dan kepayahan, selawat yang dengannya Engkau menjadi pembela dan penolong kami, sungguh Engkaulah sebaik-baik pembela dan Tuhan kami. Maha Suci Tuhanmu Tuhan yang Maha Mulia dari segala sifat kekurangan, salam keatas para mursalin dan segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam.

Muqaddimah

الحمد لله الذي خص أحبابه بأنواع الكمالات وجعل منهم أئمة يهدون بأمره في سائر الأحوال والأوقات والبلدان والصلاة والسلام على سيدنا ومولانا محمد صلى الله عليه وسلم إمام الأنبياء والمرسلين وأفضل خلق الله أجمعين وعلى آله نجوم الهدى وأصحابه مصابيح الإقتداء وجميع ورثته صلى الله عليه وسلم من أمته القائمين عنه في أحواله والنائبين منابه في أفعاله وأقواله ما نطق بلسان الشريعة الغراء ناطق وترجم بلسان الحقيقة ترجمان صادق.

Segala puji bagi Allah yang telah mengistimewakan para kekasihnya dengan berbagai kesempurnaan, Dia melantik dikalangan mereka menjadi para imam yang memberi petunjuk dengan perintahNya pada setiap ahwal, masa, dan pelosok

dunia. Selawat dan salam keatas junjungan baginda nabi kita Muhammad ﷺ yang merupakan imam para nabi dan rasul; makhluk Allah paling utama seluruhnya, juga selawat dan salam buat para ahli keluarganya yang merupakan gugusan bintang hidayah, dan para sahabatnya yang merupakan obor ikutan, seterusnya para pewaris Nabi ﷺ dikalangan umatnya yang mewakili baginda pada ahwalnya, yang menjadi naib baginda pada af'al dan aqwalnya, selagi lisan syariat masih berkata-kata dan lisan hakikat masih menterjemahkannya.

Idea untuk mengarang buku ini timbul dari risalah Ayyuhal Walad (Wahai Anakku) karya Hujjatul Islam Sidi Al-Imam Abu Hamid Al-Ghazali At-Thusi yang merupakan seorang tokoh pemuka agama Islam dan kaum Muslimin (semoga Allah meredhai beliau dan mengurniakan kepada kita akan manfaatnya serta seluruh kaum solihin…amin).

Ayyuhal Walad sebenarnya merupakan jawapan beliau terhadap persoalan yang ditujukan kepadanya oleh seorang syeikh alim dari kalangan muridnya yang terkemuka. Murid beliau ini telah setia berkhidmat kepadanya dan menghabiskan umur menuntut cabang-cabang makrifat serta mengaji ilmu sehingga berjaya menghimpun seni-seni ilmu pengetahuan yang mendalam dan menyempurnakan keterampilan diri. Setelah itu semua berhasil pada suatu hari dia mula berfikir tentang dirinya, lalu terdetiklah didalam benaknya: Aku telah menuntut berbagai jenis ilmu, usia muda remaja telah ku habiskan untuk menghimpun ilmu pengetahuan dan sekarang sudah hampir sampai ke hujung umurku. Kini sudah patutlah aku mengetahui mana satu dari jenis-jenis ilmu itu yang bermanfaat untuk kehidupanku di akhirat dan menjadi teman penghiburku di dalam kubur, ilmu mana pula yang tidak bermanfaat supaya dapat aku tinggalkan kerana Nabi junjungan Saiyidina Muhammad ﷺ telah bersabda: "Allahumma, aku bermohon perlindunganMu dari ilmu yang tidak bermanfaat".

Fikiran ini terus bermain didalam sanubari hingga akhirnya dia menulis warkah ke hadrat gurunya Hujjatul Islam Al-Imam Muhammad Al-Ghazali رضي الله عنه untuk meminta fatwa dan menanyakan beberapa permasalahan serta memohon nasihat dan doa. Kata si murid di dalam warkahnya: "Walaupun karya-karya tuan syeikh seperti Ihya Ulumuddin dan lainnya telah merangkumi jawapan atas persoalan hamba, namun yang hamba pohonkan agar tuan menulis apa yang hamba hajati itu dalam beberapa helai warkah supaya dapat hamba bawa seumur hidup dan dapat hamba amalkan pada baki umur yang ada Insya Allah", maka Imam Al-Ghazali pun menulislah risalah Ayyuhal Walad ini bagi menunaikan permintaan si murid.

Di dalam risalah ini Sidi Al-Imam Al-Ghazali berbicara dengan seorang tokoh alim yang cendikiawan dalam seni-seni ilmu yang luas, maka disebabkan itulah beliau menekankan sisi amal yang bersesuaian dengan kadar ilmu muridnya ini kerana buah dari makrifat itu terzahir pada keperibadian seorang insan dalam hidup dan sikap istiqamahnya. Disamping itu *point* yang amat penting untuk diambil perhatian di sini ialah Imam Al-Ghazali menuliskan risalah ini sewaktu umur beliau sudah di peringkat senja; setelah sekian lama meneguk dan merasai kemanisan syariat, tareqat dan hakikat, inilah yang diisyaratkan oleh para masyaikh r.d: Barangsiapa merasai nescaya dia kenal, barang siapa belum merasai maka dia belum tahu dan belum kenal.

Imam Al-Gazali juga (waktu mengarang risalah ini) telah *tahqiq* bahawa para ahli sufi Islam sejati adalah kaum yang mengetahui rahsia jalan soheh lagi pantas yang sampai lagi menyampaikan kepada Allah سبحانه وتعالى, jalan untuk sampai kepada Allah Taala itu ialah melalui peningkatan pada peringkat-peringkat dan maqam-maqam iman, ihsan dan yang lebih tinggi dari itu berdasarkan sabda Nabi ﷺ ketikamana ditanya oleh Saiyidina Jibril عليه السلام tentang ihsan dalam hadis yang masyhur riwayat Saiyidina Umar Bin Al-Khatthab رضي الله عنه: "Adapun ihsan

itu bahawa engkau beribadat kepada Allah seolah-olah engkau melihatNya. Jika engkau tidak dapat melihatNya maka sesungguhnya Dia melihatmu". Oleh itu wajiblah kita meletakkan latar belakang tersebut sebagai pedoman ketika membaca buku ini yang menggambarkan kehidupan seorang salik Muslim.. mukmin.. muhsin.. sufi.. atau dalam erti kata lain seorang murid sejati.

Buku yang berada ditangan sidang pembaca budiman ini diberi judul "Al-Mureed As-Sodiq" (Murid Sejati) oleh guruku dan sandaranku As-Syeikh Al-Kamil Abd. Nasir As-Syazili Al-Hasani -semoga Allah memuliakan kami dengannya dunia akhirat-. Buku ini akan menekankan fokusnya disudut amalan dengan tema "Ini ilmunya, maka mana amalan bahkan mana adabnya?!", dan inilah makna sempurna terhadap kalimat taqwa yang disebut dengan tegas dan berkali-kali dalam Al-Quran seperti firmanNya:

وَتَزَوَّدُوا۟ فَإِنَّ خَيْرَ ٱلزَّادِ ٱلتَّقْوَىٰ ۚ

"..dan hendaklah kamu membawa bekal maka sesungguhnya sebaik-baik bekal ialah taqwa" – **Al-Baqarah: 197**

Dan sepertimana yang telah kupelajari dari hadrat Sidi As-Syeikh guruku yang meriwayatkan dari para syuyukh (semoga Allah meredhai mereka semua): "Hampir-hampir adab itu menjadi satu pertiga atau dua pertiga agama", Sidi As-Syeikh juga berkata kepadaku: "Ketahuilah wahai anakku sesungguhnya Tasawwuf Islam itu tidak lain dari mengamalkan Al-Quran (kerana Allah Taala tajalli dalam Al-Quran bagi mereka yang merenung, berakal dan memahaminya) dan sunnah junjungan Nabi ﷺ serta ijmak ummah dari kalangan awliya' dan ulama'ul amilin umat junjungan Nabi Muhammad Rasulullah ﷺ, adapun Tasawwuf yang bukan dari sumber ini maka aku menolaknya, tidak menerimanya,

tidak menukilnya, tidak mengajarkannya dan tidak mengajikannya. Wahai anakku, maka hendaklah engkau tetap beramal berterusan sepertimana yang telah dipesankan oleh junjungan alam buana Nabi kita ﷺ: "Sebaik-baik amalan itu ialah yang berkekalan walaupun sedikit", dan sudah pasti kamu beramal itu setelah menuntut ilmu yang dapat membantu dan memandu dalam beramal sepertimana yang telah dikatakan oleh para syuyukh (semoga Allah meredhai mereka semua): Dahulu kami menuntut ilmu bukan kerana Allah maka ilmu itu enggan (bermanfaat) melainkan jika dituntut kerana Allah سبحانه وتعالى". Demikianlah keadaanmu dalam menempuh perjalanan istiqamah seperti yang telah disabdakan oleh junjungan Nabi ﷺ kepada seorang sahabatnya yang mulia: "Katakanlah: "Aku beriman dengan Allah", lalu hendaklah engkau istiqamah", maknanya hendaklah engkau mengatakan aku beriman dengan lisanmu, dengan hatimu, dengan rohmu, dengan sirrmu dan dengan segala *lathifah 'alamul amri* serta *'alamul khalqi* , lalu engkau menempuh peringkat-peringkat ini dengan tekun dan menjejaki jalan kesempurnaan demi mencapai istiqamah pada sifat kehambaan dan jujur dalam kehambaan di setiap maqam dan setiap peringkat peningkatan jiwamu.

Istiqamah tidak akan sempurna melainkan jika disertakan bersamanya adab dengan Allah Azza Wajalla serta adab dengan Rasul kekasihNya junjungan baginda Nabi kita Muhammad ﷺ; adab yang dipraktik pada setiap keadaan, waktu, tika sembunyi dan nyata, saat tenang dan tegang dalam berinteraksi dengan semua makhluk Allah Azza Wajalla. Ini dapat dijelmakan dengan berusaha bersungguh-sungguh mendapatkan kesempurnaan adab golongan awam terlebih dahulu, apabila berjaya maka seorang hamba sudah bersedia sekarang dengan taufik dari Allah Jalla Jalaluhu untuk masuk kepada kesempurnaan adab golongan khawas yang merupakan ulama'ul amilin dan para awliya. Sesudah itu dengan kurnia taufik dan ihsan dari Allah si hamba akan meningkat pula kepada adab khawasul

khawas seperti yang telah difirmankan oleh Allah ﷻ:

"...dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurniaNya. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu". – **An-Nisa: 32**

Pada makna ayat ini seorang syeikh yang diminta nasihat oleh muridnya telah berkata: "Wahai anakku, jika engkau mahu menyediakan roti yang bermanfaat dan dapat dimakan maka jadikanlah adabmu sebagai tepung gandumnya (isyarat kepada adab yang banyak) dan jadikanlah ilmumu sebagai garamnya (yaitu supaya engkau mendapat rasa dan dengannya deria rasamu berfungsi untuk merasai tiap suatu)".

Bab Pertama

Kitab Ayyuhal Walad

Karya Syeikhul Islam Sidi Abu Hamid Al-Ghazali

-semoga Allah meredhainya dan para solihin-

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والعاقبة للمتقين والصلاة والسلام على سيدنا ومولانا محمد رسول الله صلى الله عليه وسلم وآله وصحبه أجمعين.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam. Bermula kesudahan yang baik itu bagi orang-orang yang bertaqwa. Selawat dan salam keatas baginda Nabi kita saiyidina Muhammad Rasulullah ﷺ serta seluruh ahli keluarga dan para sahabatnya.

Duhai anaknda dan kasihku yang tercinta –semoga Allah melanjutkan usiamu pada mentaatiNya dan menjadikan engkau berada dalam perjalanan para kekasihNya-. Ketahuilah sesungguhnya asal nasihat itu tertulis dari pati risalah kenabian, jika telah sampai padamu satu nasihat darinya maka apa perlunya lagi engkau pada nasihatku? Jika masih belum sampai kepadamu maka katakanlah padaku apa sebenarnya yang telau kau perolehi sejak bertahun-tahun lalu?

Wahai anakku, diantara nasihat yang diungkapkan Saiyidina Rasulullah ﷺ kepada umat baginda adalah sabdanya:

علامة إعراض الله تعالى عن العبد اشتغاله بما لا يعنيه. وإن امرأ ذهبت ساعة من عمره في غير ما خلق له من العبادة لجدير أن تطول عليه حسرته. ومن جاوز الأربعين ولم يغلب خيره على شره فليتجهز إلى النار.

"Tanda Allah berpaling dari seorang hamba itu ialah dia sibuk dengan apa yang tidak berguna untuknya. Jika seseorang itu berlalu sedetik dari umurnya kepada perkara selain ibadah yang bukan untuk itu dia diciptakan maka patutlah baginya panjang penyesalan. Dan barangsiapa melewati umur empat puluh sedangkan kebaikannya tidak mengatasi kejahatannya maka bersiap-siaplah dia untuk ke neraka", dan memadailah nasihat ini buat ahli ilmu.

Wahai anakku,

nasihat itu mudah tapi yang menjadi masalah ialah menerimanya disebabkan rasanya yang pahit bagi orang yang mengikut hawa nafsu, kerana larangan Allah itulah yang disukai oleh hati mereka khususnya para penuntut ilmu aliran rasmi yang sibuk mencari kelebihan diri dan kehidupan dunia. Orang sebegini menganggap dengan ilmu semata dia sudah selamat dan berjaya tanpa perlu beramal. Inilah iktiqad ahli falsafah. Amboi, Maha Suci Allah yang Maha Agung! Orang ini tertipu dan tidak mengetahui bahawa ilmu yang diperolehinya itu apabila tidak diamalkan pasti akan menjadi hujjah keatasnya seperti yang telah disabdakan oleh junjungan baginda Rasulullah ﷺ:

أشد الناس عذابا يوم القيامة عالم لا ينفعه الله بعلمه.

"Orang yang paling keras siksanya di hari kiamat adalah alim yang Allah jadikan ilmunya tidak bermanfaat bagi dirinya".

Diriwayatkan bahawa sesudah Sidi Abul Qasim Al-Junaid –semoga Allah mensucikan rohnya- meninggal dunia beliau dilihat orang dalam mimpi lalu ditanya: "Apa khabarmu sekarang wahai Abul Qasim? Jawab beliau: Segala ucapan dan

isyarat kesufian (yang pernah ku sebutkan dahulu) semuanya jatuh berguguran dan sirna, tiada yang berguna buatku melainkan sedikit rakaat yang pernah aku kerjakan di tengah malam".

Wahai anakku,

janganlah engkau muflis amalan dan janganlah jiwamu sunyi dari ehwal kesufian. Yakinlah bahawa sesungguhnya dengan semata-mata ilmu itu takkan dapat menolongmu. Tamsilannya seperti seorang lelaki pendekar medan tempur berada di tengah hutan membawa bersamanya sepuluh bilah pedang *hindiyyah* dan pelbagai senjata lain, lalu dia diserang singa jantan yang besar lagi menggerunkan, apakah pendapatmu tentangnya? Tanpa digerak dan dipukulkan adakah segala senjata itu dengan sendirinya dapat menahan ancaman singa? Sedia maklum bahawa senjata-senjata itu takkan ada faedahnya kecuali bila digunakan. Demikianlah halnya kalau seorang lelaki membaca dan mengaji seratus ribu masalah ilmiah lalu tidak diamalkannya maka semua ilmu itu takkan memberi faedah padanya melainkan bila diamalkan. Misalnya lagi kalau suhu badan seseorang naik panas ditimpa penyakit kuning maka ubatnya ialah minuman *sakanjabin* dan *kashkab*, tapi kalau tidak diteguk ubatnya mana kan berhasil kesembuhannya.

Dan kalaupun engkau mengaji ilmu seratus tahun dan menghimpun seribu kitab itu semua tidak menyediakan dirimu mendapat rahmat Allah melainkan dengan beramal kerana Allah ﷻ telah berfirman:

وَأَن لَّيْسَ لِلْإِنسَـٰنِ إِلَّا مَا سَعَىٰ

"Dan bahawa sesungguhnya tiada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya" – **An-Najm: 39.**

"...sebagai balasan atas apa yang telah mereka kerjakan"- **At-Taubah: 82**

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّـٰلِحَـٰتِ كَانَتْ لَهُمْ جَنَّـٰتُ ٱلْفِرْدَوْسِ نُزُلًا . خَـٰلِدِينَ فِيهَا لَا يَبْغُونَ عَنْهَا حِوَلًا .

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh disediakan bagi mereka syurga-syurga Firdaus, sebagai tempat bertamu (yang serba mewah). Mereka kekal di dalamnya, (dan) tidak ingin berpindah daripadanya" – **Al-Kahfi: 107-108**

فَخَلَفَ مِنۢ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَٱتَّبَعُوا۟ ٱلشَّهَوَٰتِ ۖ فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ غَيًّا . إِلَّا مَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَـٰلِحًا فَأُو۟لَـٰٓئِكَ يَدْخُلُونَ ٱلْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ شَيْـًٔا .

"Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat); maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka). Kecuali orang-orang yang bertaubat dan beriman serta beramal soleh, maka mereka itu akan masuk syurga, dan mereka pula tidak dikurangkan pahala sedikitpun" – **Maryam: 59-60**

Dan apa pula katamu terhadap hadis ini:

بني الإسلام على خمس: شهادة أن لا اله إلا الله وأن سيدنا محمدا رسول الله وإقام الصلاة وإيتاء الزكاة وصوم رمضان وحج البيت لمن استطاع إليه سبيلا.

"Islam itu dibina atas lima rukun; kesaksian bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan junjungan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa bulan ramadhan serta naik haji bagi yang mampu mengerjakannya".

Bermula iman itu kata-kata yang diucapkan lidah, yang dibenarkan oleh hati dan mengerjakan segala rukun. Dalil segala amalan itu tak terkira banyaknya, kalau seorang hamba masuk syurga memang itu dikeranakan rahmat Allah dan kemurahan hatiNya, namun ini semua setelah si hamba itu sendiri membuat persediaan dengan mentaati Allah dan beribadah padaNya kerana rahmat Allah itu dekat dengan mereka yang muhsin (berusaha memperbaiki amalannya).

Jika dikatakan seorang yang telah mencapai iman pasti masuk syurga maka kami bertanya kembali: Benar itu, tapi bilakah dia akan mencapai iman itu? Berapa banyak pula halangan dan rintangan yang harus ditempuh terlebih dahulu sebelum mencapai iman? Halangan pertamanya ialah iman itu sendiri dan apakah dia terjamin selamat dari tercabutnya iman? Kalau pun dia berjaya sampai maka apakah sampainya itu dengan hampa dan muflis? Saiyidina Al-Hasan Al-Basri r.d berkata: "Allah Taala berfirman: *Dengan rahmatKu masuklah kamu wahai para hambaKu ke dalam syurgaKu dan bahagi-bahagikanlah syurga itu sesamamu berdasarkan amalan masing-masing*".

Wahai anakku,

selagi engkau belum beramal engkau takkan mendapat ganjaran. Dihikayatkan bahawa ada seorang lelaki Bani Israel beribadah kepada Allah selama tujuh puluh tahun maka Allah Taala mahu memperlihatkan lelaki itu kepada para malaikat. Allah mengutus satu malaikat mengkhabarkan kepada si abid bahawa walaupun dengan ibadahnya itu dia masih belum layak

masuk syurga. Apabila mendengarkan khabar malaikat itu berkatalah si abid: "Kami ini diciptakan untuk beribadah, maka walau apa pun kami tetap patut untuk beribadah kepadaNya", apabila kembali kepada Allah malaikat pun berkata: "Ya Ilahi, Engkau lebih tahu apa yang diperkatakan olehnya", maka firman Allah: "Jika dia tidak berpaling dari ibadah kepada Kami maka Kami yang bersifat Pemurah lebih-lebih lagi takkan berpaling darinya, saksikanlah wahai para malaikatKu sesungguhnya Aku telah mengampuninya".

Sabda baginda Rasulullah ﷺ:

حاسبوا أنفسكم قبل أن تحاسبوا وزنوا أعمالكم قبل أن توزنوا

"Hitunglah dirimu sebelum kamu dihitung, dan timbanglah amalanmu sebelum nanti kamu ditimbang".

Saiyidina Ali r.d berkata: "Barangsiapa mengira bahawa dia akan sampai (kepada Allah) tanpa usaha maka dia berangan-angan, barang siapa mengira dengan usahanya dia akan sampai maka dia menyangka dirinya sudah kaya". Saiyidina Al-Hasan r.d pula berkata: "Menuntut syurga tanpa amalan adalah satu dosa", beliau juga berkata: "Tanda mencapai hakikat itu ialah tidak menilik pada amalan diri, bukannya meninggalkan amalan". Dan sabda baginda Rasulullah ﷺ:

الكيس من دان نفسه وعمل لما بعد الموت والأحمق من اتبع هواه وتمنى على الله تعالى الأماني.

"Orang bijak itu ialah yang mengawal dirinya dan dia beramal untuk selepas kematiannya, manakala orang bodoh itu ialah yang mengikut hawa nafsunya sambil berangan-angan mengharap itu dan ini dari Allah".

Wahai anakku,

berapa banyak engkau bangun malam untuk menderas ilmu dan muthalaah kitab hingga bersengkang mata menahan tidur? Tak tahulah apa yang mendorongmu untuk sanggup begitu. Jika sebabnya ialah mencari kesenangan dunia dan mengumpul puing-puingnya, untuk mencapai pangkat kedudukannya serta bermegah-megah terhadap teman dan kawan maka celakalah engkau kemudian celakalah engkau. Jika tujuanmu melakukan itu demi menghidupkan syariat baginda Nabi ﷺ dan mengelokkan budi pekertimu serta menghacurkan nafsumu yang mengajak kepada kejahatan maka bertuahlah engkau kemudian bertuahlah engkau. Kalau begini maka benarlah kata penyair:

سحر العيون لغير وجهك ضائع

وبكاؤهن لغـير فـقدك باطـل

Bersengkang mata kalau bukan untuk redhamu adalah hampa
tangisnya pula jika tidak kerna hilangmu adalah dusta

Wahai anakku,

hiduplah selama mana yang engkau mahu sesungguhnya engkau akan mati jua. Berbuatlah sekehendakmu sesungguhnya engkau akan menerima balasannya. Wahai anakku, apalah faedahnya engkau menghimpun pada dirimu ilmu kalam dan khilaf, perubatan, segala macam antologi dan puisi, ilmu astronomi, arudh, serta ilmu nahu dan sorof selain membuang umur. Sesungguhnya telah ku lihat di dalam Injil Nabi Isa عليه السلام: "Sebermula dari si mati ditaruh atas usungan jenazah hingga diletak di pinggir kubur Allah dengan keagunganNya menyoal si mati empat puluh soalan. SoalanNya yang pertama: "*Wahai hambaKu, engkau mengelokkan pandangan makhluk terhadapmu selama bertahun-tahun sedangankan pandan-*

ganKu terhadapmu sedetik pun tak pernah engkau elokkan", setiap hari Allah memandang pada hatimu seraya berfirman: "*Untuk apa engkau beramal kepada selainKu sedangkan engkau diliputi nikmatKu, nyatalah engkau ini pekak tidak mendengar!"*.

Wahai anakku,

ilmu tanpa amalan adalah gila manakala amalan tanpa ilmu adalah sia-sia. Dan ketahuilah bahawa ilmu yang hari ini tidak menjauhkan engkau dari maksiat maka ia takkan mendorongmu pada esok hari kepada ketaatan dan takkan menjauhkanmu dari neraka jahannam. Jika engkau tidak beramal dengan ilmu-mu pada hari ini dan tidak menebus hari-hari yang telah berlalu nescaya engkau di hari kiamat akan sesal merayu kepada Allah: "Kembalikanlah kami ke dunia supaya dapat kami beramal soleh", lalu dikatakan kepadamu: "Hei si tolol! Dari sanalah datangmu!".

Wahai anakku,

jadikanlah hemah pada jiwamu, kekalahan pada nafsumu dan kematian pada badanmu kerana kediamanmu itu di perkuburan dan ahli kubur menunggumu setiap detik bilakah masanya engkau akan sampai kepada mereka. Saiyidia Abu Bakar As-Siddiq ﷺ berkata: "Adapun jasad ini sama ada ibarat sangkar burung atau kandang binatang, maka renungilah yang mana satu ibarat dirimu?!". Jika jiwamu dari unggas nan tinggi maka saat terdengar olehmu seruan "*Kembalilah kepada Tuhanmu...*" engkau akan terus terbang tinggi hingga sampai ke tempat kediamanmu di puncak menara-menara syurgawi.

Dan seperti yang disabdakan oleh baginda Rasulullah ﷺ:

اهتز عرش الرحمن من موت سعد بن معاذ (رضي الله عنه).

"Arash Tuhan yang Maha Rahman bergegar dengan kematain Saad Bin Muaz (ﷺ)",

mohon dijauhkan Allah kalau engkau dari golongan binatang seperti yang difirmankan Allah Taala:

أُوْلَٰٓئِكَ كَٱلۡأَنۡعَٰمِ بَلۡ هُمۡ أَضَلُّۚ

"…mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi…" **– Al-A'raaf: 179**

lalu janganlah engkau berasa aman tentang kemungkinan berpindahnya engkau dari sudut rumahmu ke jurang neraka. Diriwayatkan bahawa Saiyidina Al-Hasan Al-Basri r.h diberi minum air dingin, sedang menerima gelas beliau tiba-tiba pengsan dan jatuhlah gelas dari tangannya. Apabila sedar beliau pun ditanya: "Apa yang berlaku padamu wahai Abu Said?", jawab beliau: "Aku teringat rayuan ahli neraka kepada ahli syurga:

أَنۡ أَفِيضُواْ عَلَيۡنَا مِنَ ٱلۡمَآءِ أَوۡ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ

*"...bermurah hatilah kepada kami dengan sedikit dari air atau dari rezeki (makanan) yang telah dikurniakan Allah kepadamu…"***- Al-A'raaf: 50.**

Wahai anakku,

jika semata-mata punya ilmu itu sudah cukup bagimu tanpa perlu lagi engkau beramal maka jadilah seruan Tuhan: "Adakah sesiapa yang mahu meminta padaKu? Adakah sesiapa mahu beristighfar? Adakah sesiapa mahu bertaubat?", jadilah semua seruan ini sia-sia belaka. Diriwayatkan dalam hadis bahawa sekumpulan sahabat radhiyallahu anhum ajmain menyebut tentang Saiyidna Abdullah Bin Umar ﷺ kepada baginda Rasulullah ﷺ, baginda lantas berkomentar:

نعم الرجل هو لو كان يصلي بالليل.

"Sebaik-baik lelaki adalah dia jika dia mengerjakan sembahyang malam".

Lagi sabda baginda ﷺ kepada seorang sahabatnya:

يا فلان لا تكثر النوم بالليل فإن كثرة النوم بالليل يدع صاحبه فقيرا يوم القيامة.

"Hai si polan, janganlah engkau banyak tidur di waktu malam kerana banyak tidur di malam hari itu akan menjadikan seorang hamba fakir di hari kiamat".

Wahai anakku,

وَمِنَ ٱلَّيْلِ فَتَهَجَّدْ بِهِۦ نَافِلَةً لَّكَ

"Dan bangunlah pada sebahagian dari waktu malam serta kerjakanlah tahajjud padanya sebagai sembahyang tambahan bagimu" adalah perintah,

وَبِٱلْأَسْحَارِ هُمْ يَسْتَغْفِرُونَ

"Dan pada waktu akhir malam (sebelum fajar) pula, mereka selalu beristighfar kepada Allah" adalah syukur,

وَٱلْمُسْتَغْفِرِينَ بِٱلْأَسْحَارِ

"...dan orang-orang yang beristighfar di waktu sahur" adalah zikir.

Sabda junjungan Nabi Alaihis Solatu Wassalam:

ثلاثة أصوات يحبها الله تعالى: صوت الديك وصوت الذي يقرأ القرآن وصوت المستغفرين بالأسحار.

"Tiga suara dikasihi Allah Taala; kokok ayam jantan, suara orang mengaji Al-Quran dan suara orang beristighfar di waktu sahur".

Sabda baginda lagi:

إن الله تبارك وتعالى خلق ريحا تهب بالأسحار تحمل الأذكار والاستغفار إلى الملك الجبار.

"Sesungguhnya Allah Tabaraka Wa Taala telah menciptakan suatu angin yang bertiup waktu sahur membawa zikir-zikir dan istighfar dari para hamba kepada Tuhan Al-Malik Al-Jabbar",

dan sabda baginda lagi:

إذا كان أول الليل ينادي مناد من تحت العرش: ألا ليقم العابدون فيقومون ويصلون ما شاء الله ثم ينادي مناد في شطر الليل: ألا ليقم القانتون فيقومون ويصلون إلى السحر فإذا كان السحر نادى مناد: ألا ليقم المستغفرون فيقومون ويستغفرون فإذا طلع الفجر نادى مناد: ألا ليقم الغافلون فيقومون من فرشهم كالموتى نشروا من قبورهم.

"Tika masuk awal malam berserulah satu malaikat di bawah arash: "Bangunlah para abid!", maka bangunlah mereka mengerjakan solat dengan seizin Allah. Kemudian menyeru pula satu malaikat di pertengahan malam: "Bangunlah mereka yang putus harapan (selain pada Allah)!", maka bangunlah mereka mengerjakan solat dengan seizin Allah hingga waktu sahur. Apabila masuk waktu sahur menyeru pula satu malaikat: "Bangunlah mereka yang memohon ampunan!", maka bangunlah mereka beristighfar meminta ampun. Dan apabila terbit fajar menyerulah satu malaikat: "Bangunlah mereka yang lalai!", maka bangunlah mereka dari tikar bantal masing-masing seperti mayat-mayat dibangkitkan dari kubur mereka".

Wahai anakku,

diriwayatkan dalam kumpulan wasiat Luqman Al-Hakim bahawa beliau berkata kepada anaknya: "Wahai anaknda, janganlah hendaknya ayam jantan itu lebih bijak darimu; dia menyeru di waktu sahur sedangkan engkau tidur". Bagus benar kata penyair:

Di tengah malam…
merpati merayu rindu di atas dahan
sedangkan aku masih nyenyak tidur
demi Ka'bah dustalah aku
jika benar cinta asyikku
tangisan merpati takkan mendahuluiku
kononnya aku cinta Tuhanku
tapi yang menangis haiwan melata
sedangkan aku diam mebisu

Wahai anakku,

intipati ilmu ialah engkau mengetahui apakah ketaatan dan ibadah itu. Ketahuilah bahawa ketaatan dan ibadah ialah mengikut syariat pada setiap perintah dan larangan dengan

kata-kata dan perbuatan. Ertinya setiap yang engkau ucapkan, lakukan dan tinggalkan semuanya itu dengan berpandukan syariat. (Jikalau tidak akan berlaku sebaliknya) seperti berpuasa pada hari raya pertama dan hari-hari *tashriq* maka disini engkau melakukan maksiat bukannya taat, begitu juga kalau engkau solat dengan memakai baju yang dirampas; disini engkau berdosa walaupun pada zahirnya engkau mengerjakan ibadat.

Wahai anakku,

sayugialah hendaknya ucapan dan perbuatanmu bertepatan dengan syariat kerana ilmu dan amal tanpa mengikut syariat adalah kesesatan. Janganlah hendaknya engkau terpedaya dengan latahan dan caca merba dari meraka yang mendakwa diri sufi kerana perjalanan kesufian itu adalah dengan mujahadah, mengekang syahwat dan membunuh nafsunya dengan pedang riyadhah, bukannya dengan caca merba dan karut-marut. Dan ketahuilah bahawa lidah yang berbicara semahunya serta hati yang tertutup lagi dipenuhi kelalaian dan syahwat merupakan alamat kecelakaan. Jika engkau tidak membunuh nafsumu dengan mujahadah yang sejujurnya maka hatimu takkan hidup dengan cahaya makrifat.

Ketahuilah wahai anakku bahawa sebahagian dari persoalan yang kau tanyakan padaku takkan mungkin dapat dijawab melalui tulisan. Jika engkau sudah mencapai hal yang engkau tanyakan itu nescaya engkau akan mengetahui hakikatnya, jika tidak maka mustahil-lah mencapai pengetahuannya kerana ia bersifat zauqi (rasa) dan setiap yang bersifat zauq takkan dapat diungkap melalui kata-kata seperti manis dan pahit yang tak mungkin dapat diertikan melainkan dengan merasanya. Ada satu cerita bahawa seorang mandul menulis surat pada temannya: "…khabarkanlah padaku bagaimanakah rupanya kelazatan berjimak", maka si teman pun menjawab suratnya: "Hai si polan, selama ini aku fikir engkau cuma seorang mandul

dan sekarang nyatalah bagiku bahawa engkau sebenarnya mandul dan tolol. Sesungguhnya kelazatan yang engkau tanyakan ini bersifat rasa, jika engkau sudah merasainya engkau dapat mengetahui hakikatnya, kalau tidak maka mensifatkannya dengan kata-kata dan tulisan adalah tidak mungkin".

Wahai anakku,

demikianlah sebahagian soalanmu itu dari kategori ini. Adapun soalan-soalanmu yang dapat diberikan jawapannya sudah kami sebutkan dalam kitab Ihya' Ulumiddin dan lain-lain. Dari sini akan kami mula menurunkan jawapan itu dan memberi petunjuk kepadanya.

Sesungguhnya wajiblah keatas seorang salik empat perkara:

PERTAMA	Iqtikad yang benar lagi tidak dicelahi bid'ah.
KEDUA	Taubat nasuha yang tidak kembali lagi kepada dosa.
KETIGA	Mendapatkan keredhaan dari mereka yang pernah disakiti hingga tiada lagi hak manusia keatas dirimu.
KEEMPAT	Mengaji ilmu syariat sekadar yang dapat ditunaikan dengannya perintah-perintah Allah, kemudian mempelajari ilmu-ilmu lain yang dapat memberi keselamatan kepadamu.

Diriwayatkan bahawa Sidi As-Syibli r.h telah mengaji dan berkhidmat kepada empat ratus orang guru beliau berkata: "Aku telah mengaji empat ribu hadis kemudia aku pilih satu hadis dan ku amalkan ia manakala yang bakinya aku tinggalkan kerana setelah merenung hadis yang satu ini aku mendapati bahawa kesudahan dan keselamatanku ada padanya dan ilmu

para awwalin dan akhirin semuanya tergabung dalam hadis ini, hadis yang aku jadikan sebagai sebagai kecukupanku itu ialah sabda junjungan baginda Rasulullah ﷺ kepada seorang sahabatnya:

اعمل لدنياك بقدر مقامك فيها واعمل لآخرتك بقدر بقائك فيها واعمل لله بقدر حاجتك إليه واعمل للنار بقدر صبرك عليها.

"Beramallah untuk duniamu sekadar lama hidupmu padanya, beramallah untuk akhiratmu sekadar keabadianmu di sana, beramallah kerana Allah sekadar keperluanmu kepadaNya dan beramallah untuk neraka sekadar kemampuanmu menanggung siksanya".

Wahai anakku,

jika engkau mengamalkan hadis ini maka engkau sudah tidak memerlukan terlalu banyak ilmu. Renung pula beberapa hikayat lain; adapun Sidi Hatim Al-Asom r.h itu seorang dari kalangan murid Sidi Syaqiq Al-Balkhi r.h, pada satu hari tuan guru bertanya kepada si murid: "Engkau telah mendampingiku sejak tiga puluh tahun, apa yang kau telah perolehi sepanjang tempoh itu?", jawab murid: "Hamba beroleh lapan faedah ilmu dan ia sudah mencukupi buat hamba kerana pada yang lapan itulah hamba mengharapkan keselamatan hamba", Tanya Syaqiq: "Apakah ia?", jawab Hatim Al-Asom:

FAEDAH PERTAMA

Sesungguhnya hamba merenung keadaan makhluk, lalu hamba dapati setiap manusia menyintai dan mengasihi seseorang. Ada pecinta yang bersama kekasihnya hingga pada kesakitan mati, ada

juga pecinta yang mengiring kekasihnya hingga ke tebing kubur dan kemudian semuanya akan pulang meninggalkan yang dicintai keseorangan; tiada siapa pun yang masuk bersamanya ke dalam kubur. Hamba pun merenung dan menyimpulkan: kekasih terbaik bagi seseorang ialah yang ikut bersama menemaninya ke dalam kubur, tiada hamba dapati kekasih sebegini melainkan amal soleh lalu hamba pun mengambilnya menjadi kekasih hamba supaya ia dapat menjadi teman dan obor menerangi kubur hamba dan tidak membiarkan hamba sendirian.

FAEDAH KEDUA

Sesungguhnya hamba merenung kepada makhluk; mereka menurut hawa nafsu sendiri dan bersegera menunaikan kehendak masing-masing. Lalu hamba merenung firman Allah Taala:

وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِۦ وَنَهَى ٱلنَّفْسَ عَنِ ٱلْهَوَىٰ . فَإِنَّ ٱلْجَنَّةَ هِىَ ٱلْمَأْوَىٰ

"Adapun orang yang takutkan keadaan semasa ia berdiri di mahkamah Tuhannya, (untuk dihitung amalnya), serta ia menahan dirinya dari menurut hawa nafsu, maka sesungguhnya syurgalah tempat kediamannya" **An-Nazi'aat: 40-41**

lalu yakinlah hamba bahawa Al-Quran itu benar dan jujur maka bersegeralah hamba menyalahi kehendak nafsu dan bersungguh-sungguh mujahadah dan menahan diri dari mengikut hawanya hingga jinak dan patuhlah nafsu itu kepada Allah ﷻ.

FAEDAH KETIGA

Sesungguhnya hamba lihat setiap orang berusaha mengumpul puing-puing dunia, sudah dapat digenggamnya pula dengan erat. Lalu hamba merenung firman Allah Taala:

مَا عِندَكُمْ يَنفَدُ وَمَا عِندَ ٱللَّهِ بَاقٍ وَلَنَجْزِيَنَّ ٱلَّذِينَ صَبَرُوٓا۟ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ

"Yang ada padamu akan habis dan hilang lenyap, dan apa yang ada di sisi Allah tetap kekal; dan sesungguhnya kami membalas orang-orang sabar dengan memberikan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan" – **An-Nahl: 96**

lalu hamba korbankan hasil pendapatan di dunia kerana Allah dengan membahagi-bahagikannya kepada golongan miskin supaya itu menjadi simpanan hamba di sisi Allah.

FAEDAH KEEMPAT

Sesungguhnya hamba mendapati ada golongan manusia yang mengira bahawa kemuliaan dan kemegahan itu dengan banyak pengikut dan kaum kerabat lalu terpedayalah dia dengannya. Ada pula golongan yang mengira bahawa kemuliaan dan kemegahan itu dengan merampas harta orang lain serta menzalim dan menumpah darah. Ada juga kumpulan manusia yang menganggap mulia dan megah itu dengan memusnahkan harta benda membuang-buang dan membazirkannya. Maka hamba pun merenung firman Allah Taala:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ

"Sesungguhnya semulia-mulia kamu disisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa diantaramu" – **Al-Hujurat: 13**

maka hamba pun memilih taqwa dan hamba yakin bahawa keterangan Al-Quran adalah benar lagi jujur manakala sangkaan dan perkiraan manusia semuanya batil dan sirna.

FAEDAH KELIMA

Sesungguhnya hamba melihat manusia saling mencela antara satu sama lain serta saling umpat mengumpat. Hamba dapati ini semua berpunca dari rasa dengki terhadap harta, kemegahan dan ilmu yang ada pada orang lain. Maka hamba pun merenung firman Allah Taala:

نَحْنُ قَسَمْنَا بَيْنَهُم مَّعِيشَتَهُمْ فِي ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۚ

"Kami telah membahagi-bahagikan antara mereka segala keperluan hidup mereka dalam kehidupan dunia ini", - **Az-Zukhruf: 32**

lalu tahulah hamba bahawa pembahagian itu sudah ditetapkan Allah sejak azali maka tiadalah hamba berhasad dengki kepada sesiapa dan redhalah hamba dengan apa yang telah diberikan Allah Taala.

FAEDAH KEENAM

Sesungguhnya hamba lihat manusia saling bermusuhan kerana tujuan dan sebab tertentu, lalu hamba pun merenung firman Allah Taala:

إِنَّ ٱلشَّيْطَٰنَ لَكُمْ عَدُوٌّ فَٱتَّخِذُوهُ عَدُوًّا ۚ

"Sesungguhnya syaitan adalah musuh bagimu maka Jadikanlah dia sebagai musuh" – **Fathir: 6**

maka tahulah hamba bahawa tidak boleh memusuhi sesiapa selain syaitan.

FAEDAH KETUJUH

Sesungguhnya hamba lihat setiap orang berusaha berhabis-habisan mencari makan dan kehidupan hingga jatuh kepada yang syubhat dan haram, serta sampai menghinakan diri sendiri dan mengurangkan kemuliaan peribadi. Lalu hamba merenung firman Allah Taala:

وَمَا مِن دَآبَّةٍ فِي ٱلۡأَرۡضِ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِ رِزۡقُهَا

"Dan tiadalah sesuatupun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jua yang menanggung rezekinya" – **Hud: 6**

maka tahulah hamba bahawa rezeki hamba sudah dijamin Allah Taala lalu hamba pun menyibukkan diri beribadah kepada Allah dan hamba tidak tamak melainkan kepadaNya.

FAEDAH KELAPAN

Sesungguhnya hamba lihat setiap insan bersandar kepada sesuatu yang makhluk; ada yang bersandar kepada wang, ada yang bersandar kepada harta dan kuasa, ada yang bersandar kepada pekerjaan serta kemahiran diri dan ada juga yang bersandar kepada yang sama sepertinya. Maka hamba pun merenung firman Allah Taala:

وَمَن يَتَوَكَّلۡ عَلَى ٱللَّهِ فَهُوَ حَسۡبُهُۥٓۚ إِنَّ ٱللَّهَ بَٰلِغُ أَمۡرِهِۦۚ قَدۡ جَعَلَ ٱللَّهُ لِكُلِّ شَيۡءٖ قَدۡرٗا

"…siapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka cukuplah Allah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya).

Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu" – **At-Thalaq: 3**

lalu hamba pun berserah sepenuhnya kepada Allah; Dia-lah kecukupan hamba dan Dia sebaik-baik yang mengurus hamba.

Mendengarkan jawapan itu berkatalah Saiyidina Syaqiq r.h: "Semoga Allah memberi taufik kepadamu. Sesungguhnya aku telah meneliti kitab Taurat, Zabur, Injil dan Al-Quran lalu mendapati bahawa empat kitab ini berkisar sekitar lapan faedah yang kau sebutkan, maka barang siapa beramal dengannya bererti dia beramal dengan keempat-empat kitab ini".

Wahai anakku,

setelah engkau mengetahui dua hikayat tadi maka tak perlulah bagimu untuk menambah-nambah ilmu. Sekarang biarlah aku menjelaskan padamu kewajiban yang mesti dilaksanakan oleh seorang salik di jalan kebenaran.

Ketahuilah bahawa sesungguhnya mestilah seorang salik itu berguru kepada seorang syeikh yang mursyid lagi murobbi bagi mengeluarkan akhlak buruk dari dirinya -dengan didikan mursyid- dan menggantikannya dengan akhlak mulia. Adapun makna tarbiah/didikan itu dapat ditamsilkan dengan kerja petani mencabut pokok berduri dan tumbuhan liar dari celah tanaman untuk menjamin kesuburan dan hasil yang baik bagi pertaniannya. Dan wajiblah keatas seorang salik mendamping guru mursyid yang mengajarkan adab dan memimpinnya ke jalan Allah Taala kerana Allah telah mengutus para rasul untuk memimpin menuju jalanNya. Apabila baginda Rasulullah ﷺ meninggalkan dunia ini baginda telah meninggalkan para khalifah penggantinya menjadi penunjuk jalan menuju Allah.

Syarat kelayakan seorang syeikh menjadi naib (menjalankan

tugas) junjungan Rasulullah ﷺ ialah hendaklah dia seorang alim, namun tidak semua alim layak menjadi khalifah. Biarlah aku terangkan secara ringkas padamu -wahai anakku- sebahagian dari tanda seorang syeikh mursyid supaya janganlah semudah-mudahnya setiap orang mengaku diri mursyid.

Syeikh mursyid adalah peribadi yang berpaling dari cinta dunia dan kemegahan, telah berguru dengan syeikh yang mursyid, yang bersambung silsilah perguruan dan ikutannya ke hadrat junjungan para mursalin baginda Nabi Muhammad . Syeikh mursyid adalah seorang yang mampu melatih jiwanya sendiri dengan baik; sedikit makan, sedikit berkata-kata dan sedikit tidurnya, banyak solat, banyak bersedekah dan banyak berpuasa. Dengan berguru kepada syeikhnya yang mursyid dia menjadikan kemuliaan akhlak sebagai sikap hidupnya; sabar, solat, syukur, tawakkal, yakin, qana'ah, ketenangan jiwa, santun, ilmu, jujur, malu, setia, kehormatan diri, diam, tidak gopoh dan lain-lain sifat yang baik. Apabila seorang syeikh telah bercahaya dirinya dengan cahaya junjungan baginda Nabi ﷺ maka layaklah dia dijadikan ikutan, namun kewujudan orang sebegini adalah nadir, lebih payah menemuinya dari belerang merah. Barangsiapa tersandung kebahagiaan lalu bertemu dengan syeikh yang kami jelaskan sifat-sifatnya tadi dan syeikh pula menerimanya maka wajiblah bagi si murid menghormatinya zahir dan batin.

Adapun penghormatan yang zahir ialah janganlah si murid membantah syeikhnya, jangan sibuk menyanggah beliau tak kira dalam apa masalah sekalipun si murid tahu syeikh tersilap pada masalah itu. Dan janganlah membentang sejadah syeikh melainkan waktu solat, apabila beliau selesai mengerjakannya angkatlah kembali sejadah beliau. Janganlah murid memperbanyakkan solat sunat ketika bersama syeikh dan hendaklah murid mengerjakan suruhan syeikhnya dengan sehabis baik sekadar kemampuan dirinya.

Adapun penghormatan yang batin ialah setiap yang didengar oleh murid dari syeikh dan diterima pada zahir maka janganlah diengkari di dalam hati murid; sama ada dalam bentuk perbuatan mahupun ucapan supaya murid tidak bersifat munafik. Jika murid tidak mampu untuk melakukan keikhlasan ini maka eloklah baginya menjauhkan diri dari mendampingi beliau sehinggalah batin si murid sama dengan keadaan zahirnya. Elakkanlah dari bergaul dengan orang yang tidak baik bagi menyempitkan pengaruh syaitan jin dan manusia dari hatinya, dengan menjauhi mereka hati murid akan suci dari pencemaran syaitan dan hendaklah murid pada setiap hal memilih kefakiran serta mengenepikan kekayaan.

Kemudian dari itu ketahuilah bahawa Tasawwuf mempunyai dua sifat:

1 Istiqamah dengan Allah

2 Berakhlak baik kepada makhluk

Barang siapa yang istiqamah dengan Allah Azza Wajalla dan baik akhlaknya dengan manusia lagi berinteraksi dengan mereka dengan sopan santun maka orang ini adalah sufi. Adapun makna istiqamah ialah mengorbankan kesenangan diri demi menunai perintah Allah, manakala akhlak baik dengan manusia ialah tidak memaksa mereka menurut kehendakmu sebaliknya engkau memaksa dirimu menurut kehendak mereka selagi tidak menyalahi syariat.

Kemudian engkau bertanya tentang ubudiyyah, sesungguhnya ia terdiri dari tiga perkara:

1 Menjaga perintah syariat

2 Redha dengan qadha qadar dan pemberian Allah

3 Meninggalkan kesukaan dirimu demi menuntut redha Allah

Engkau bertanya padaku tentang tawakkal, adapun tawakkal itu ialah engkau menetapkan keyakinanmu pada Allah atas

janjiNya, dalam ertikata lain engkau beriqtikad bahawa apa yang telah ditakdirkan untukmu pasti akan sampai kepadamu walaupun seluruh alam berusaha untuk menggagalkannya dan begitu juga apa yang tidak tertulis untukmu takkan sampai kepadamu walaupun seluruh alam membantumu untuk mencapainya.

Engkau bertanya padaku tentang ikhlas, adapun ikhlas itu ialah engkau menjadikan seluruh amalanmu kerana Allah Taala dan hatimu tidak senang dengan puji-pujian manusia padamu dan tidak pula engkau pedulikan cercaan orang terhadapmu. Ketahuilah bahawa sifat riya' itu lahir dari puji-pujian orang terhadapmu. Rawatannya ialah engkau melihat mereka semua digerakkan oleh kudrat Allah dan engkau anggap mereka seperti jamadat yang tidak mampu samasekali untuk memberi kesenangan atau memudharatkanmu supaya engkau dapat lepas dari bersikap riya' terhadap mereka. Selagi mana engkau masih mengira mereka punya kudrat dan iradat selagi itulah sifat riya' takkan jauh darimu.

Wahai anakku,

adapun baki dari persoalanmu ada yang sudah termaktub jawapannya dalam karya-karyaku, carilah jawapannya di sana. Adapun sebahagian lagi persoalanmu maka haram dituliskan jawapannya. Beramal-lah engkau dengan apa yang engkau ketahui supaya tersingkap padamu apa yang belum engkau ketahui.

Wahai anakku, selepas ini janganlah engkau bertanya lagi padaku sebarang kemushkilanmu melainkan dengan bicara hati kerana Allah Taala berfirman:

"Dan kalaulah mereka bersabar menunggu sehingga engkau keluar menemui mereka, tentulah cara yang demikian lebih baik bagi mereka; dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani" – **Al-Hujuraat: 5**

dan terimalah nasihat baginda Nabi Khidir عليه السلام pada perkataannya:

فَلَا تَسْـَٔلْنِي عَن شَيْءٍ حَتَّىٰٓ أُحْدِثَ لَكَ مِنْهُ ذِكْرًا

"(Sekiranya engkau mengikutku), maka janganlah engkau bertanya kepadaku akan sesuatupun sehingga aku ceritakan halnya kepadamu" – **Al-Kahfi: 70**

dan janganlah engkau gopoh terhadap sesuatu; biarkan sampai waktunya lalu ia sendiri akan tersingkap padamu dan engkau akan melihatnya kerana firman Allah Taala:

سَأُوْرِيكُمْ ءَايَٰتِي فَلَا تَسْتَعْجِلُونِ

"Aku akan perlihatkan kepada kamu tanda-tanda kekuasaanKu; maka janganlah kamu meminta disegerakan (kedatangannya)" – **Al-Anbiya: 37**

maka janganlah engkau bertanya kepadaku sebelum tiba waktunya dan yakinlah bahawa engkau takkan sampai melainkan dengan menempuh perjalanan kerana Allah Taala telah berfirman:

أَوَلَمْ يَسِيرُواْ فِي ٱلْأَرْضِ فَيَنظُرُواْ

"Tidakkah mereka berjalan dan mengembara di muka bumi serta memerhatikan…" – **Ar-Ruum: 9**

Wahai anakku,

demi Allah jika engkau menempuh perjalanan engkau akan melihat keajaiban di setiap persinggahan. Korbankanlah jiwamu

kerana sesungguhnya pokok perkara ini adalah pengorbanan jiwa sepertimana yang dikatakan oleh Sidi Zunnun Al-Misri kepada seorang pelajarnya: "Jika sanggup engkau mengorbankan jiwa maka marilah bersama, jika tidak maka janganlah engkau menyibukkan dirimu dengan karut-marut kesufian".

Wahai anakku,

sungguhlah aku mahu memberimu lapan nasihat, terimalah dariku supaya ilmu-mu tidak menjadi pendakwamu di hari kiamat. Dari yang lapan itu kerjakanlah empat perkara dan tinggalkanlah empat pula.

Adapun **empat perkara yang mesti ditinggalkan**:

PERKARA PERTAMA

Selagi mampu janganlah engkau berdebat dengan sesiapapun pada sebarang masalah kerana perdebatan itu banyak penyakitnya. Maka dosanya lebih besar dari manfaatnya kerana ialah punca zahir segala akhlak tercela seperti riya', hasad, ego, dendam, permusuhan, bermegah-megah dan lain-lain. Benar, dibolehkan berdebat sekiranya berlaku permasalahan antaramu dengan seseorang atau sekelompok yang mana niatmu adalah memenangkan kebenaran dan sekiranya engkau berdiam terzalimlah kebenaran itu.

Walau bagaimanapun niat sebegini ada dua alamat:

1 Tiada beza bagimu sama ada kebenaran itu tertegak melalui lisanmu atau melalui lisan orang lain.

2 Engkau lebih suka sekiranya perbahasan itu diadakan secara tertutup, bukan secara terbuka.

Dengarlah -wahai anakku- biar ku sebut padamu suatu faedah, dan ketahuilah bahawa menanyakan satu masalah itu ibarat bertemu tabib bagi mengadu penyakit hati manakala

menjawab pertanyaan itu ibarat usaha untuk merawat sakitnya. Dan ketahuilah bahawa para jahil yang berpenyakit hati serta ulama' tabib dan alim yang tidak sempurna mereka semua tidak pakar dalam merawat, manakala alim yang kamil sempurna pula tidak merawat semua pesakit; beliau hanya merawat pesakit yang diharapkan dapat menerima rawatan dan kesembuhan. Sekiranya penyakit sudah sekian lama berakar umbi atau sampai ke tahap tepu yang tak dapat dirawat lagi maka kebijaksanaan seorang tabib di sini ialah menyatakan bahawa penyakit ini sudah tak dapat menerima rawatan; tak guna lagi berusaha mengubatinya kerana ia hanya membuang masa.

Kemudian ketahuilah bahawa **penyakit jahil** itu **empat jenis**:

1. Penyakit jahil yang tak dapat diubati

Adapun kejahilan yang tak mungkin diubati ialah orang yang membantah kerana hasad dengki dan kebenciannya; semakin engkau menjawab bantahannya dengan baik, fasih dan jelas makin dia membenci dan bertambah dendam serta memusuhi. Orang sebegini janganlah engkau menyusahkan diri menjawabnya, penyair ada berkata:

كل العداوة قد ترجي إزالتها * إلا عداوة من عاداك عن حسد

setiap permusuhan masih diharap akan damainya
selain orang yang membencimu dengan hasadnya

maka sayugialah bagimu berpaling dan meninggalkannya dengan penyakitnya itu. Allah Taala berfirman:

فَأَعْرِضْ عَن مَّن تَوَلَّىٰ عَن ذِكْرِنَا وَلَمْ يُرِدْ إِلَّا ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا

"Oleh itu janganlah engkau (Wahai Muhammad) hiraukan orang yang berpaling dari pengajaran kami, dan tidak mahu melainkan kehidupan dunia semata-mata" **- An-Najm: 29**

Adapun pendengki itu baik dengkinya dengan kata-kata atau perbuatan hanya menyalakan api pada kebun amalannya seperti yang disabdakan junjungan Nabi ﷺ:

الحسد يأكل الحسنات كما تأكل النار الحطب.

"Sifat hasad memusnahkan amalan seperti api memakan kayu".

2. Penyakit jahil yang berpunca dari kebodohan, ini juga tidak dapat diubat.

Baginda Nabi Isa عليه السلام pernah bersabda: "Sesungguhnya menghidupkan orang mati tidaklah susah bagiku melakukannya, namun yang tidak dapat aku lakukan ialah mengubat orang bodoh". Orang itu menuntut ilmu dalam waktu singkat, ada sedikit mengaji ilmu aqli dan syar'ie seterusnya dengan kebodohannya dia bertanya lalu membantah seorang alim besar dalam satu masalah sedangkan si alim telah menghabiskan usia mengaji segala ilmu aqli dan syar'ie manakala si bodoh ini tidak tahu dan mengira bahawa apa yang kusut padanya juga kusut pada si alim besar. Jika penyoal tidak memahami kadar ini maka jadilah soalannya berasaskan kebodohan maka sayogialah untuk tidak sibuk melayannya.

3. Bertanya kerana meminta petunjuk

Setiap kalam ulama besar yang tidak difahami segera disandarkan kepada kelemahannya dalam memahami, apabila dia menyoal maka soalannya itu bertujuan mendapatkan

faedah ilmu, cuma kerana tumpul akalnya dia tidak mampu untuk mengerti hakikat sesuatu. Orang sebegini juga tidak patut dijawab persoalannya sepertimana yang disabdakan oleh Rasulullah ﷺ:

نحن معاشر الأنبياء أمرنا أن نكلم الناس على قدر عقولهم.

"Kami para anbiya diperintahkan untuk berbicara dengan manusia sekadar kemampuan akal mereka".

4. Adapun penyakit yang boleh diubati ialah orang berakal yang menyoal kerana minta petunjuk.

Apabila maksudnya ialah menuntut jalan yang lurus, tidak dikuasai oleh sifat dengki, marah, cinta kemasyhuran, kemegahan dan harta, soalan dan bantahannya tidak bersumber dari hasad, kedegilan dan mahu menguji. Orang sebegini dapat diubati kejahilannya dan bolehlah engkau bahkan wajib keatasmu menjawab persoalannya.

PERKARA KEDUA

Perkara kedua yang mesti engkau jauhi ialah menjadi penasihat umum dan penyampai tazkirah kerana balanya sangat banyak melainkan engkau terlebih dahulu mengamalkan ucapanmu kemudian barulah engkau menasihati orang lain. Renungilah kata-kata yang ditujukan kepada Nabi Isa عليه السلام: "Wahai putera Maryam! Nasihatilah dirimu, jika engkau menerima nasihat itu maka bolehlah engkau menasihati manusia, jika tidak maka malulah kepada Tuhanmu".

Adapun jika engkau dibalakan memikul pekerjaan ini maka jauhilah dua sifat:

SIFAT PERTAMA: Tidak mengarang-ngarang pada

perkataanmu dengan ibarat-ibarat, isyarat-isyarat dan caca merba yang berbelit-belit serta dengan rangkap-rangkap puisinya pula kerana Allah Taala benci pada orang yang mengarang-ngarang hingga melampaui batas. Hakikatnya orang seperti ini memberi petunjuk kepada hancur lebur batinnya dan kelalaian hatinya, sedangkan makna tazkirah ialah memberi peringatan kepada hamba Allah tentang neraka akhirat, kecuaian dirinya terhadap khidmat kepada Allah yang menciptanya, merenung umur yang berlalu habis pada perkara yang tidak berguna untuk dirinya, berfikir tentang rintangan yang ada di hadapan sekarang apakah selamat imannya dihujung usia, bagaimanakah keadaan diri waktu Malaikat Maut datang mencabut nyawa, apakah mampu menjawab soalan Munkar Nakir. Begitu juga mengingatkan si hamba Allah tentang perihalnya di hari kiamat dan keadaannya, dapatkah dia melintas titian sirat dengan selamat atau akan terjunam ke Neraka Hawiyah? Demikianlah berterusan peringatan ini di dalam kalbunya hingga meresahkan hatinya (dari bersenang lenang dengan dunia). Nyalaan rasa dan ratapan terhadap semua musibah inilah yang dinamakan tazkirah.

Mengajar masyarakat dan membentangkan kepada mereka tentang perkara-perkara ini serta memberi peringatan tentang kecuaian dan keterlanjuran diri, mendedahkan kepada mereka tentang keaiban diri masing-masing sehingga para hadirin turut merasai panas nyalaan rasa penyampai tazkirah hingga meresahkan pula hati-hati mereka terhadap segala musibah ini lantas mendorong untuk insaf dan berazam memperbaiki kesilapan lalu dengan sebaik mungkin dan menyesali hari-hari yang telah pergi pada selain mentaati Allah Taala; ucapan sebegini yang diungkapkan dengan cara inilah yang dinamakan nasihat.

Ibaratnya jika engkau melihat air banjir mahu merempuh rumah seorang penduduk yang sedang bersama ahli keluar-

ganya di dalam sudah tentu engkau memberitahu mereka: "Bahaya! Bahaya! Selamatkan diri dari banjir!", dalam keadaan ini apakah teringin di hatimu untuk menyampaikan amaran kepada tuan rumah dengan lenggok bahasa berkarang-karang serta gurau dan isyarat?! Tentu tidak. Maka demikianlah halnya keadaan seorang pemberi ceramah nasihat patutlah baginya menjauhi semua itu.

SIFAT KEDUA: Janganlah hemahmu pada ketika menyampaikan nasihat itu untuk meributkan suasana para hadirin meraung meluahkan perasaan mereka atau dengan nasihatmu itu engkau mahu mempengaruhi emosi mereka hingga mabuk perasaan sampai mengoyakkan pakaian misalnya, supaya nanti dikatakan: "Alangkah bagusnya ceramah si polan ini!", ini semuanya kecenderungan pada dunia yang lahir dari kealpaan diri. Sebaliknya hendaklah azam dan hemahmu itu untuk berdakwah menyeru manusia dari dunia kepada akhirat, dari maksiat kepada taat, dari haloba kepada zuhud, dari bakhil kepada pemurah, dari syak kepada yakin, dari alpa kepada kesedaran, dari ghurur kepada taqwa. Hendaklah engkau mempengaruhi mereka untuk cinta akhirat dan membenci dunia, ajarkan mereka ilmu ibadat dan zuhud, janganlah engkau jadikan mereka terpesona dengan rahmat dan kebaikan Allah Taala (hingga terlupa pada azabNya) kerana tabiat orang ramai lebih cenderung untuk melencong dari jalan syariat dan mengerjakan apa yang tidak diredhai Allah Taala serta mengutamakan sikap yang buruk.

Oleh itu campakkanlah rasa gerun ke dalam hati, berikan amaran dan takutkan mereka terhadap segala siksa yang bakal menimpa; mudah-mudahan sifat batin mereka dapat berubah dan sikap zahir mereka bertukar seterusnya terpancar kesungguhan dan keinginan mereka untuk mentaati Allah dan meninggalkan maksiat. Inilah caranya nasihat dan pengajaran; setiap nasihat yang bukan seperti ini akan menjadi bencana kepada

penyampai dan pendengarnya. Bahkan ada disebut bahawa penceramah yang melalaikan adalah raksaksa syaitan yang memperdaya makhluk dari jalan lurus dan membinasakan mereka. Maka wajiblah bagi manusia lari dari penceramah sebegini kerana kerosakan yang dilakukan oleh sang penceramah keatas agama pendengarnya adalah sesuatu yang tidak mampu dilakukan oleh syaitan. Dan wajiblah bagi pihak berkuasa menurunkan penceramah sebegini dari podium dan minbar serta menghalang pekerjaannya kerana tindakan ini sebahagian dari amar makruf nahi munkar.

PERKARA KETIGA

Perkara ketiga yang mesti ditinggalkan ialah bergaul dengan pihak pemerintah dan raja-raja. Janganlah engkau pergi bertemu mereka, kerana melihat mereka serta duduk dan bergaul dengan mereka adalah bala yang amat besar. Jika terbala engkau terpaksa bergaul dengan mereka maka janganlah engkau memuji-muji mereka kerana Allah Taala murka apabila orang zalim dan fasik dipuji-puji. Dan barangsiapa berdoa mereka panjang umur sesungguhnya dia suka maksiat berlaku diatas bumi Allah.

PERKARA KEEMPAT

Perkara keempat yang mesti ditinggalkan ialah jangan engkau menerima suatu apa pun dari pemberian para pemerintah dan hadiah mereka walaupun engkau tahu sumbernya dari yang halal. Ini kerana tamak kepada mereka akan merosak agama. Tamak kepada pemberian pemerintah akan mendorongmu untuk berpujuk rayu, menjaga kepentingan dan menyetujui kezaliman mereka. Ini semuanya merosakkan agama. Mudharat paling ringan apabila engkau menerima hadiah dan mengambil manfaat dari dunia mereka ialah engkau akan mengasihi mereka, apabila seseorang mengasihi seseorang pastilah dia gembira kalau taulannya panjang umur, begitulah apabila mengasihi orang

zalim bererti engkau juga mahu kezalimannya keatas para hamba Allah terus berlaku, seterusnya bererti engkau juga mahu dunia ini binasa. Maka apakah yang terlebih mudharat dari ini keatas agama dan nasib di akhirat?

Hati-hati dan waspadalah! Jangan engkau terpedaya godaan syaitan atau fatwa orang mengatakan bahawa yang terlebih afdhal dan utama ialah engkau menerima wang pemberian pemerintah untuk dibahagi-bahagikan kepada para fakir miskin, pemerintah membelanjakan wang kepada kefasikan dan maksiat maka lebih baiklah engkau menolong orang-orang susah dengan wang itu… Jaga-jaga! Sesungguhnya syaitan terkutuk telah memancung leher ramai manusia dengan was-wasnya ini. Kami telah menyebut perkara ini di dalam kitab Ihya', silalah engkau lihat di situ.

Adapun **empat perkara yang mesti engkau lakukan**:

PERKARA PERTAMA

Jadikanlah pergaulanmu dengan Allah Taala seumpama jika hambamu bergaul denganmu secara pergaulan itu engkau akan meredhai si hamba dan tidak sakit hati lagi tidak marah terhadap caranya bergaul denganmu. Maka begitulah ibaratnya; apa yang tidak engkau redhai dari hambamu secara simbolik itu janganlah pula engkau redha untuk melakukannya kepada Allah yang merupakan Tuan Pemilikmu yang hakiki.

PERKARA KEDUA

Setiap yang engkau lakukan kepada manusia jadikanlah perlakuanmu pada mereka itu seperti yang engkau redha untuk dirimu, kerana iman seorang hamba tidak akan sempurna sehingga dia menyukai kebaikan kepada seluruh manusia sepertimana dia menyukai kebaikan untuk dirinya.

PERKARA KETIGA Jika engkau mengaji ilmu atau mengulang-kajinya maka sayugialah amalanmu itu baik untuk hatimu dan membersihkan nafsumu. Ibaratnya jika engkau tahu bahawa umurmu hanya tinggal seminggu maka sudah pasti dalam tempoh itu engkau tidak menyibukkan diri dengan ilmu feqah, etika, usul, kalam dan yang seumpamanya kerana engkau tahu bahawa ilmu-ilmu ini tidak dapat menolongmu. Bahkan diwaktu itu yang patut bagimu ialah sibuk dengan muroqabah hatimu, mengenal sifat nafsumu dan berpaling dari ikatan-ikatan dunia, membersihkan jiwamu dari akhlak tercela dan sibuk mendapatkan cinta Allah serta ibadat kepadanya, berakhlak dengan akhlak-akhlak yang baik… dan memang pada bila-bila masa sahaja baik siang atau pun malam seorang hamba itu terdedah kepada ajal matinya.

Wahai anakku,

dengarkanlah satu lagi bicara dariku dan renunglah sedalam-dalamnya supaya engkau beroleh keselamatan. Jika engkau dikhabarkan bahawa sultan akan datang menziarahimu pada minggu hadapan yakinlah aku bahawa engkau dalam tempoh tujuh hari itu takkan sibuk melainkan untuk meperbaiki apa-apa engkau ketahui bahawa sultan akan memandangnya dari pakaian, tubuh badan, rumah, perabot dan lain-lain. Lalu sekarang fikirkanlah isyaratku padamu tadi, sesungguhnya engkau faham dan kata-kata yang tunggal itu sudah cukup bagi orang bijak. Sabda baginda Rasulullah ﷺ:

إن الله لا ينظر إلى صوركم ولا إلى أعمالكم ولكن ينظر إلى قلوبكم ونياتكم.

"Sesungguhnya Allah tidak memandang kepada rupa lahirmu, tidak juga kepada amalanmu, akan tetapi Allah memandang kepada hatimu dan niatmu".

Jika engkau mahu ilmu mengenai ehwal hati maka rujuklah kepada kitab Ihya' dan lain-lain karanganku. Inilah ilmu yang fardhu ain manakala selainnya adalah ilmu fardhu kifayah kecuali kadar yang dengannya dapat ditunaikan kefardhuan dari Allah Taala dan Dialah yang memberi taufik padamu untuk menuntut ilmu.

PERKARA KEEMPAT Janganlah engkau menghimpun harta dunia padamu lebih dari keperluanmu untuk tempoh setahun sepertimana yang disabdakan oleh junjungan Rasulullah ﷺ kepada sebahagian isteri baginda:

اللهم اجعل قوت آل محمد كفافا.

"Allahumma, jadikanlah makan minum keluarga Muhammad berpada-pada sahaja".

Adapun baginda tidak memberi bekal persediaan begini kepada semua isteri-isterinya, ini hanya baginda khususkan kepada isteri yang baginda tahu dhaif pada hatinya. Adapun bagi isteri yang punya keyakinan maka baginda hanya menyediakan baginya makanan untuk tempoh sehari atau separuh hari.

Wahai anakku,

telah kutuliskan jawapan permintaanmu di dalam warkah ini, maka sayugialah bagimu untuk mengamalkannya dan janganlah engkau lupa padaku, ingatlah daku dalam doamu

yang baik. Adapun doa yang engkau minta maka carilah ia dari riwayat doa-doa yang soheh, manakala doa dibawah ini bacalah ia setiap waktumu terutamanya selepas solat:

اللهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنَ النِّعْمَةِ تَمَامَهَا وَمِنَ العِصْمَةِ دَوَامَهَا وَمِنَ الرَّحْمَةِ شُمُولَـهَا وَمِنَ العَافِيَةِ حُصُولَـهَا وَمِنَ العَيْشِ أَرْغَدَهُ وَمِنَ العُمْرِ أَسْعَدَهُ وَمِنَ الإِحْسَانِ أَتَـمَّهُ وَمِنَ الإِنْعَامِ أَعَمَّهُ وَمِنَ الفَضْلِ أَعْذَبَهُ وَمِنَ اللُّطْفِ أَقْرَبَهُ.

Allahumma sesungguhnya aku bermohon padaMu kesempurnaan nikmat, penjagaan yang berterusan, rahmat yang meliputi, keafiatan yang nyata, kehidupan yang paling makmur, umur yang paling bahagia, ihsan yang paling sempurna, nikmat yang paling merata, kurniaan yang paling segar dan kelembutanMu yang paling hampir.

اللهُمَّ كُنْ لَنَا وَلاَ تَكُنْ عَلَيْنَا. اللهُمَّ اخْتِمْ بِالسَّعَادَةِ آجَالَنَا وَحقِّقْ بِالزِّيَادَةِ آمَالَنَا وَاقْرِنْ بِالعَافِيَةِ غُدُوَّنَا وَآصَالَنَا وَاجْعَلْ إِلَى رَحْمَتِكَ مَصِيْرَنَا وَمَآلَنَا وَاصْبِبْ سِجَالَ عَفْوِكَ عَلَى ذُنُوبِنَا وَمُن عَلَيْنَا بِإِصْلاَحِ عُيُوبِنَا وَاجْعَلِ التَّقْوَى زَادَنَا وَفِي دِينِكَ اجْتِهَادَنَا وَعَلَيْكَ تَوَكُّلَنَا وَاعْتِمَادَنَا.

Ya Allah berpihaklah kepada kami janganlah Engkau bermusuh terhadap kami. Ya Allah akhirilah ajal kami dengan kebahagiaan, tunaikanlan segala pengharapan kami dengan tambahan, sertakanlah pagi dan petang kami dengan keafiatan, jadikanlah

pemergian dan hujung kami kepada rahmatMu, curahkanlah keampunanmu yang melimpah ruah keatas dosa-dosa kami, berbudilah keatas kami dengan memperbaiki keaiban kami, jadikanlah taqwa bekalan kami dan usaha kegigihan kami pada agamaMu serta tawakkal dan sandaran kami kepadaMu.

اللهُمَّ ثَبِّتْنَا عَلَى نَهْجِ الاسْتِقَامَةِ وَأَعِذْنَا فِي الدُّنْيَا مِنْ مُوجِبَاتِ النَّدَامَةِ يَوْمِ القِيَامَةِ وَخَفِّفْ عَنَّا ثِقْلَ الأَوْزَارِ وَارْزُقْنَا عَيْشَةَ الأَبْرَارِ وَاكْفِنَا وَاصْرِفْ عَنَّا شَرَّ الأَشْرَارِ وَأَعْتِقْ رِقَابَنَا وَرِقَابَ آبَائِنَا وَأُمَّهَاتِنَا وَإِخْوَانِنَا وَأَخَوَاتِنَا مِنَ النَّارِ بِرَحْمَتِكَ يَا عَزِيْزُ يَا غَفَّارُ يَا كَرِيمُ يَا سَتَّارُ يَا عَلِيْمُ يَا جَبَّارُ يَا اللهُ يَا اللهُ يَا اللهُ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ وَيَا أَوَّلَ الأَوَّلِينَ وَيَا آخِرَ الآخِرِينَ وَيَا ذَا القُوَّةِ المَتِينِ وَيَا رَاحِمَ المَسَاكِينَ وَيَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِين. وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالحَمْدُ لِلهِ رَبِّ العَالَمِينَ.

Allahumma tetapkanlah kami diatas perjalanan istiqamah, peliharalah kami di dunia ini dari perkara yang membawa penyesalan di hari kiamat, ringankanlah dari kami tanggungan dosa yang berat, rezekikanlah kami kehidupan para abrar, tahan dan tangkiskanlah dari kami kejahatan penjahat, lepaskanlah kami dan ibu bapa kami serta saudara-saudari kami dari neraka dengan rahmatMu wahai Tuhan yang Maha Mulia, Maha Pengampun, Maha Pemurah, Maha Melindungi, Maha Alim, Maha Perkasa, ya Allah ya Allah ya Allah, dengan rahmatMu wahai Tuhan yang Maha Rahmat, wahai Tuhan yang Awal dari seluruh yang pertama, wahai Tuhan yang Akhir dari seluruh

yang akhir, wahai Tuhan yang memiliki kekuatan yang Maha Kukuh, wahai Tuhan yang mengasihani segala miskin, wahai Tuhan yang Maha Merahmati, tiada Tuhan melainkan Engkau, Maha Suci Engkau sesungguhnya aku termasuk kalangan hambaMu yang menzalimi diri sendiri. Semoga Allah menselawtkan keatas junjungan baginda Nabi Muhammad beserta seluruh ahli keluarga dan para sahabatnya dan segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam.

Jalan Istiqamah "Kesempurnaan"

Ketahuilah –semoga Allah memberi taufik padaku dan padamu untuk beramal soleh dan merasakan bagiku dan bagimu kemanisan dampingan dan hubungan denganNya- ada dua kemestian bagi seorang murid sejati yang mahu menjadi golongan muhsinin dalam tingkatan-tingkatan maqam ihsan demi memperolehi hadiah dari Allah ﷻ sepertimana dalam firmanNya:

إِنَّ رَحْمَتَ ٱللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ ٱلْمُحْسِنِينَ

"Sesungguhnya rahmat Allah amat dekat dengan golongan muhsinin"- **Al-A'raaf: 56**

Perkara Pertama ialah mencari *role model* (guru mursyid) seperti yang difirmankan oleh Allah ﷻ:

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُواْ ٱللَّهَ وَٱلْيَوْمَ ٱلْآخِرَ وَذَكَرَ ٱللَّهَ كَثِيرًا

"Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh ikutan yang baik bagi orang yang ingin kepada Allah dan (keselamatan di) hari akhirat, dan bagi orang yang banyak mengingati Allah"
- Al-Ahzaab: 21

Perkara Kedua: Mengikat 'ahd (janji setia) dengan seorang syeikh yang arif, sempurna lagi menyempurnakan, pewaris Rasulullah, sampai dan menyampaikan kepada Allah. Dan hendaklah si murid istiqamah dalam taubatnya.

MAQAM TAUBAT

Adapun taubat itu merupakan asal segala hal dan maqam kesufian. Ia ibarat tapak dengan bangunannya; barang siapa tidak mempunyai tapak bererti dia tidak dapat membina bangunan, demikianlah juga bagi mereka yang tak punya taubat bererti dia tidak memiliki hal dan maqam kesufian. Bilamana seseorang tidak memulakan perjalanannya dari maqam taubat maka wajiblah dia berhenti dan malu kepada Allah Azza Wajalla yang rahmatNya mendahului kemurkaanNya, wajiblah baginya berhenti serta merta dari dusta dan mengada-ada serta sangkaan dan angan-angan. Ini kerana taubat merupakan persinggahan pertama bagi para salik dan kembara dalam perjalanan menuju hadrat Allah Taala.

Allah ﷻ memerintahkan agar hambaNya istiqamah dalam taubat melalui firmanNya kepada junjungan baginda Nabi Muhammad ﷺ yang merupakan manusia maksum teragung:

فَٱسْتَقِمْ كَمَآ أُمِرْتَ وَمَن تَابَ مَعَكَ

"Maka hendaklah engkau (wahai Muhammad) beristiqamah seperti yang diperintahkan serta mereka yang taubat bersamamu"- **Hud: 112**

Para masyaikh –semoga Allah meredhai mereka semua- berkata: "Barang siapa istiqamah dengan taubatnya serta zuhud terhadap dunia maka dia telah memintas seluruh maqam dan ehwal peningkatan rohani". Antara yang dapat membantu proses taubat dalam satu definisinya ialah seperti yang diriwayatkan dalam hadis baginda Nabi Muhammad ﷺ:

صفاء الصدور لا يعدله عمل

"Hati yang bersih itu amalan yang tak dapat ditandingi oleh amalan lain"

Disamping itu juga ada dua prinsip asas Tasawwuf Islam yang ku pelajari dari syeikh mursyidku –semoga Allah meredhai beliau dan para solihin- terkandung dalam ucapan berikut:

الصلح والاصطلاح مع الله عز وجل والسلم والمسالمة مع الناس

"Dengan Allah kita mesti mengikat perjanjian damai, sesama manusia kita mesti selamat dan menyelamatkan".

Ini takkan dapat dicapai dan takkan dapat disempurnakan dalam diri kecuali dengan suluk menempuh jalan istiqamah.

Yang dimaksudkan dengan suluk di sini ialah bermujahadah melawan nafsu melalui:

1. Takhalli, yaitu mengosongkan diri dari sifat-sifat mazmumah yang telah menjadi kebiasaan kita bemula sejak keluar dari rahim ibu.
2. Tahalli, yaitu menghias diri dengan akhlak-akhlak kenabian yang mulia lagi terpuji samada dalam perkataan, perbuatan, gerak dan diam, yang mana akhlak-akhlak ini sebenarnya telah sedia ada bersama fitrah kita yang murni sepertimana yang digambarkan oleh junjungan Nabi Muhammad ﷺ dalam sebuah hadisnya: "*Tidaklah seseorang itu lahir melainkan dengan fitrah...*". Fitrah inilah sebenarnya akhlak mulia dan istiqamah, juga kepada seorang sahabat yang bertanya baginda lantas bersabda padanya: "*Katakanlah: Aku beriman dengan Allah, kemudian hendaklah engkau istiqamah*".

Hakikat Tasawwuf

Tasawwuf Islam merupakan didikan ilmiah dan praktikal terhadap jiwa, rawatan untuk penyakit-penyakit hati, menanam kemuliaan akhlak dalam diri dan mencabut sifat-sifat tercela darinya, mengalahkan syahwat, latihan untuk mendapat sifat sabar, redha dan mengerjakan segala ketaatan. Tasawwuf Islam ialah mujahadah melawan nafsu, mengekang kedegilannya, dan koreksi yang amat teliti terhadap segala amalannya, mengawal hati dari runtunan kealpaan dan segala bentuk lintasan di dalam sanubari, memutus hubungan dari segala yang menghalang seorang salik dalam perjalanannya menuju Allah ﷻ, zuhud terhadap segala yang menjadikan hati bergantung kepada selain Allah dan melalaikan dari zikrullah.

Tasawwuf Islam merupakan makrifatullah; mengenal dan mentauhidkan Allah, tawajjuh menuju dan bersegera kepada Allah, berpaling dari selainNya, sunguh-sungguh beribadah padanya, menjaga larangan dan menegakkan syariatNya, mendedahkan diri kepada hembusan dan pemberian dariNya yang dikhususkan kepada para awliya dan kekasihNya dengan kurnia dan kemurahan dariNya.

Kesimpulannya, Tasawwuf ialah ilmu seni Islam yang akan meningkatkan seseorang ke tahap-tahap kesempurnaan insan, membawanya untuk melalui perjalanan para arifin; mereka yang kenal Allah ﷻ. Tasawwuf juga merupakan ilmu, hikmat, cahaya hati, hidayah, tarbiyah, pemurnian, rawatan, penjagaan, taqwa, istiqamah, sabar, jihad serta lari dari fitnah dunia dan perhiasannya sepertimana yang diperintahkan oleh Allah Taala di dalam kitab suci Al-Quran:

فَفِرُّوٓاْ إِلَى ٱللَّهِ

"Maka larilah kamu kepada Allah..." **- Az-Zariyat: 50**

Para syeikh sufi –semoga Allah meredhai mereka semua- menyifatkan Tasawwuf dalam rangkaikata berakhlak dengan seluruh akhlak yang indah mulia serta meninggalkan semua perangai keji lagi hina. Mereka juga berkata: "Di sudut adab manusia terbahagi kepada tiga tingkatan:

1. Ahli dunia, majoriti adab mereka ialah tentang kefasihan bahasa, keindahan sastera, menghafal ilmu dan syair nazam.
2. Ahli akhirat, majoriti adab mereka ialah pada riyadhatun nufus (latihan jiwa), memelihara anggota lahir dari kejahatan, menjaga larangan Allah dan meninggalkan keinginan syahwat.
3. Ahli khususiah dan kaum sufi, majoriti adab mereka ialah pada kesucian hati, menjaga rahsia rohani, setia dengan janji-janji yang termeterai antara hamba dengan Tuhannya, menjaga masa, tak melayan gangguan perasaan, beradab sopan ketika meminta padaNya dan ketika hadir mengadap serta mencapai maqam-maqam taqarrub padaNya".

Dengan ini maka nyatalah bahawa Tasawwuf adalah intipati, roh, buah dan hikmah dari syariat sepertimana yang telah disebutkan oleh para guru sufi -semoga Allah meredhai mereka-:

الطرق والسلوك والمدارس كلها مسدودة على جميع الخلق إلا على من اقتفى أثر سيدنا ومولانا رسول الله صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم.

"Semua tarekat, suluk dan institusi-institusi kesufian telah tertutup pintunya dari dimasuki oleh semua makhluk kecuali untuk mereka yang mengikuti perjalanan junjungan kita Rasulullah ﷺ".

Ilmu jenis inilah yang diistilahkan dengan nama Tasawwuf. Sejarahwan yang alim lagi beramal dengan ilmunya; Ibnu Khaldun –semoga Allah meredhai beliau dan para solihin- menyebut di dalam kitab Al-Muqaddimah bahawa Tasawwuf disebut ilmu hakikat dalam ilmu-ilmu syarak, manakala bidang feqah yang menyentuh soal hukum-hakam ibadat dan muamalat disebut sebagai ilmu syariat. Menjelaskan tentang ikatan antara syariat dan hakikat yang bergabung untuk membentuk keperibadian seorang mukmin sempurna lagi sejati lahir dan batin ini para syeikh sufi –semoga Allah meredhai mereka semua- berkata:

حقيقة أي تصوف بلا شريعة باطلة وشريعة بلا حقيقة عاطلة.

"Hakikat (Tasawwuf) tanpa syariat adalah batil, sedangkan syariat tanpa hakikat adalah pengangguran".

Bagi seorang muslim yang ingin mencapai maqam kesempurnaan insaniahnya, hakikat dan syariat ibarat sepasang sayap yang kedua-duanya amat diperlukan oleh seekor burung.

Tasawwuf Islami murni yang tidak dicemari oleh penyelewengan, pelampauan had, yang sunyi dari kejahilan dan bid'ah adalah Tasawwuf yang telah diamalkan oleh para ulama yang arifin billah, yang menegakkan hukum hakam Allah dan berpegang teguh kepada syariatnya. Inilah yang kita rafak-kan doa kepada Allah agar terjelma dalam realiti dua firqah terbesar golongan Ahli Sunnah Waljamaah kontemporari; satu firqah mengingkari, mengkafir, dan mendustakan Tasawwuf serta menyifatkannya sebagai kufur, menyembah kubur dan lain-lain tuduhan yang tidak selayaknya dilemparkan kepada Tasawwuf Islam yang suci murni. Manakala satu firqah lagi menyertai Tasawwuf hanya sebagai simbol dan syiar tanpa sebarang komitmen, amalan, taqwa dan zuhud. Sebalik kumpulan ini menokok tambah pada Tasawwuf dan

memadam apa yang mereka tidak berkenan dengan sesuka hati mereka, lebih malang lagi mereka berdusta atas nama Tasawwuf dan menjadikannya alat bagi memperolehi manfaat peribadi mengejar kemegahan, menghimpun harta dan mencapai kuasa.

Harus diingat bahawa semua sifat ini sekali-kali tidak menggambarkan Tasawwuf Islam yang kami seru kepadanya dan perjuangkan. Sifat-sifat tadi sama sekali bukan Tasawwuf Islam yang kami yakini sebagai salah satu dari solusi terpenting yang memberi kesan positif, segera dan maksima bagi memberi penyelesaian terhadap permasalahan masyarakat kita yang berbentuk peribadi, sosial, ekonomi, kenegaraan, pembangunan, ikatan kekeluargaan, silaturrahim dan kembali kepada kemuliaan akhlak.

Pro Dan Kontra Sufi

Kita tidak menuntut semua orang menjadi kaum sufi, ini tak mungkin kerana sufi adalah golongan yang sedikit jumlahnya dan kuotanya sudah ditetapkan oleh Allah Taala. Disamping itu memaksa semua orang menjadi sufi adalah kerja mustahil kerana setiap manusia memiliki citarasa dan kecenderungan yang berbeza-beza. Cuma setiap kita adalah harapan dan didoakan oleh insan kamil lagi junjungan agung kita Nabi Muhammad ﷺ yang telah bersabda:

المرء مع من أحب

"Seseorang itu (akan) bersama dengan orang yang dicintainya".

Maka sepertimana amat gembiranya sahabat radhiyallahu 'anhum mendengar sabda baginda ini kita juga wajib bergembira

mendengarkannya dan wajiblah kita memperjuangkannya.

Para pendeta Islam dari kalangan ulama rabbani telah banyak menghasilkan karangan yang bermutu tinggi dalam soal pokok dan cabang Tasawwuf; hal ehwal hati dan jiwa, bahaya dan cabaran-cabarannya, ubat dan penawarnya, pelbagai persoalannya, adab dan rasa/penghayatan, hal ehwal nafsu; tenang dan tegang, mujahadah dan sebagainya. Para ulama tersebut menuliskan ilmu-ilmu itu berlatarbelakangkan ehwal masing-masing dalam menjalani suluk -sebahagian mereka ada yang begitu keras- dan martabat mereka dalam bidang ilmu, rasa dan makrifat.

Oleh itu dalam soal menerima atau menolak isu ini sayugialah kita berpegang kepada prinsip yang adil lagi positif yang diasaskan oleh para masyaikh –semoga Allah meredhai mereka semua- kata mereka : "Silakan mengkritik salah silap para ulama Islam yang hebat-hebat itu, baik mereka dari kalangan ahli hakikat mahupun syariat. Tapi kritikan itu mesti dengan penuh beradab; jangan kamu memusnahkan mereka, jangan memukul ,mencaci maki, lagi jangan kamu mengkafirkan mereka".

Disiplin Murid Sejati

Dengan itu seorang murid sejati mula melangkah melengkapi dirinya dengan adab-adab syariat dan memakai peradaban serta akhlak baginda junjungan Nabi kita Muhammad -semoga Allah mengurniakan selawat, salam dan penghormatan paling indah lagi sempurna keatas baginda serta ahli keluarga dan para sahabatnya-. Inilah tujuan yang paling mulia dan matlamat teratas pada menjalani tareqat sufi Islam demi mencapai maqam istiqamah, sekali-kali matlamatnya bukan untuk mendapatkan karomah kerana satu istiqamah lebih agung dari sejuta karomah. Inilah dia Tasawwuf Islami sejati

yang telah memenuhi bumi dengan keindahannya sejak kurun-kurun yang pertama hingga ke saat ini.

Seorang murid sejati harus menjauhi kawan dan teman yang tidak bermoral, mereka yang lalai dari Allah serta kenalan lama di era kealpaannya. Sesungguhnya murid sejati telah meyakini bahawa dunia ini umpama salji yang mencair sedang akhirat ibarat batu permata yang kekal lamanya. Maka kuatlah keazaman si murid untuk menjual dunia ini bagi membeli akhirat di sana. Kerana Tuhan telah berfirman:

قُلْ مَتَٰعُ ٱلدُّنْيَا قَلِيلٌ وَٱلْءَاخِرَةُ خَيْرٌ لِّمَنِ ٱتَّقَىٰ

"Katakanlah: Nikmat dunia itu terlalu sedikit sedangkan akhirat itu lebih baik bagi orang yang bertaqwa" **- An-Nisa': 77**

FirmanNya lagi:

مَا عِندَكُمْ يَنفَدُ ۖ وَمَا عِندَ ٱللَّهِ بَاقٍ

"Apa yang ada ditanganmu akan habis dan apa yang ada pada Allah akan kekal" **- An-Nahl: 96**

Demikianlah ketentuannya kerana tarekat junjungan para syeikh sufi –semoga Allah meredhai mereka semua- secara jelas adalah satu perjalanan tahqiq, serius, amali, yakin, berserah diri secara total demi merealisasikan firman Allah Taala:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ

"Kamulah sebaik-baik umat yang dikeluarkan dari kalangan manusia…" **- Aali Imran: 110**

juga firman Allah:

dan inilah cita-cita semua guru sufi yang berpegang teguh dengan syariat dan hakikat, itulah matlamat para pewaris mereka, murid-murid dan para pengikut mereka yang sejati lagi muhsinin.

Demikian juga wajiblah atas seorang murid sufi yang tulus menjaga tangannya, lidahnya, faraj dan hatinya dari terjebak dengan sebarang bentuk perkataan, perbuatan mahupun gerak geri yang menyakiti atau mencacatkan kaum Muslimin dan Muslimat atau orang lain dan juga seluruh makhluk Tuhan sepertimana perintah Allah dalam Al-Quran dan dikhabarkan pula oleh junjungan Nabi kita ﷺ di dalam hadis-hadis baginda seperti perbuatan sihir, hasad dengki, dendam, mengambil kesempatan dari orang lain khususnya para ikhwan sufi, perbuatan dusta, melengah-lengahkan kerja, malas, berontak, bangga diri, ego, ghurur, suka menonjol diri, berdakwah kepada diri bukan kepada Allah dan Rasul, menghina dan merendah-rendahkan orang lain, mengabaikan cinta terhadap syeikhnya yang membawa dia kepada Allah ﷻ dan kepada junjungan baginda Rasulullah ﷺ.

Ketahuilah pula bahawa tarekat junjugan kami para ahli sufi yang tahqiq -semoga Allah meredhai mereka semua- berdiri diatas asas mujahadah melawan nafsu, menyembelihnya dengan pedang mukhalafah yakni menyalahi kehendak-kehendak nafsu hatta pada perkara-perkara yang mubah (harus) sedapat mungkin tanpa mengurangi hak-hak orang-orang yang berada di sekeliling mereka. Kerana dengan meninggalkan perkara-perkara yang harus seorang insan dapat meningkatkan dirinya ke maqam-maqam yang lebih tinggi. Siapa yang bersungguh-sungguh pasti akan mendapat hasilnya, siapa yang berjuang

pasti akan akan mencapai musyahadah, sepertimana diperintahkan oleh Allah Taala dalam firmannya:

وَٱلَّذِينَ جَٰهَدُواْ فِينَا لَنَهۡدِيَنَّهُمۡ سُبُلَنَاۚ

"Dan barangsiapa yang berjihad diatas jalan Kami pasti akan Kami tunjukkan jalan-jalan Kami…"-**Al-Ankabut: 69**

Pengertian Mujahadah

Antara pengertian mujahadah seperti yang ku pelajari dari syeikh mursyidku yang menukil dari para syuyukh semoga Allah meredhai mereka semua: Dan seperti apa yang telah digambarkan oleh para syeikh sufi r.h:

من لم يزن أفعاله وأحواله في كل وقت بالكتاب والسنة ولم يتهم خواطره فلا تعدوه في ديوان الرجال.

Barang siapa yang tidak mempertimbangkan perbuatan dan keadaan dirinya pada setiap detik dengan Al-Quran dan Sunnah, juga tidak merasakan dirinya bersalah maka janganlah kamu mengira dia itu dari anggota diwan ar-rijal (golongan wali-wali Allah).

الطرق كلها مسدودة على الخلق إلا على من اقتفى أثره صلى الله عليه وعلى أله وسلم.

Semua jalan telah tertutup di depan semua makhluk kecuali bagi mereka yang menjejaki perjalanan baginda Nabi ﷺ.

الصحبة مع الله عز وجل بحسن الأدب ودوام الهيبة والمراقبة والصحبة مع سيدنا ومولانا محمد رسول الله صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم باتباع سنته ولزوم ظاهر العلم.

Berdamping dengan Allah mestilah dengan adab yang cantik, sentiasa merasai kehebatanNya dan tetap merasa muraqabahNya. Berdamping dengan junjungan baginda Nabi kita Muhammad Rasulullah ﷺ mestilah mengikut sunnahnya dan lazimi ilmu yang zahir".

من أمر السنة على نفسه قولا وفعلا نطق بالحكمة ومن أمر الهوى على نفسه نطق بالبدعة.

Siapa yang mengambil sunnah sebagai panduan diri dalam bicara dan perbuatan maka dia akan menuturkan hikmah. Siapa yang mengambil hawa nafsu sebagai panduan maka ucapannya adalah bid'ah.

من غض بصره عن المحارم وأمسك نفسه عن الشهوات وعمر باطنه بدوام المراقبة وظاهره باتباع السنة وعود نفسه أكل الحلال لم تخطئ له فراسة.

Barangsiapa menundukkan matanya dari memandang yang haram, menahan dirinya dari syahwat, mengimarahkan batinnya dengan sentiasa muraqabah, melazimi zahirnya dengan Sunnah dan tidak makan melainkan yang halal maka orang seperti ini pastilah tepat firasat hatinya.

من ألزم نفسه آداب السنة نور الله قلبه بنور المعرفة ولا مقام أشرف من متابعة سيدنا ومولانا محمد رسول الله صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم في أوامره وأفعاله وأخلاقه.

Barangsiapa yang melazimi dirinya dengan peradaban sunnah nescaya Allah akan menerangi hatinya dengan nur makrifah. Dan ketahuilah bahawa tiada keadaan yang lebih mulia dari mencontohi junjungan baginda Nabi kita Muhammad ﷺ dengan mentaati perintahnya serta menteladani perbuatan dan akhlaknya.

من علم وبدأ في سلوك طريق الحق سبحانه وتعالى سهل سلوكه عليه ولا دليل على الطريق إلى الله عز وجل إلا بمتابعة سيدنا ومولانا محمد رسول الله صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم في أحواله وأفعاله وأقواله.

Barangsiapa yang sudah mengetahui jalan menuju Allah lalu diapun mula menempuhnya, nescaya Allah akan memudahkan perjalanannya. Dan ketahuilah bahawa tiada penunjuk jalan ini melainkan dengan menteladani junjungan baginda Nabi Muhammad ﷺ pada segala keadaan, tingkah laku dan pertuturannya.

علامة محبة الله سبحانه وتعالى إيثار طاعته ومتابعة نبيه ورسوله سيدنا مولانا محمد رسول الله صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم.

Tanda Allah Taala mencintai seorang hamba itu ialah apabila dia mengutamakan ketaatan padaNya dan mengikut perjalanan NabiNya Muhammad ﷺ.

الطريق واضح والكتاب والسنة قائم بين أظهرنا وفضل الصحابة معلوم فمن صحب الكتاب والسنة وتغرب عن نفسه والخلق وهاجر إلى الله سبحانه وتعالى فهو المريد الصادق المصيب.

Jalannya sudah jelas terbentang, Al-Quran dan Sunnah ada bersama kita dan semua orang sudah mengerti keutamaan sahabat, maka barang siapa bersahabat dengan Al-Quran dan Sunnah, menahan diri dari nafsunya dan dari seluruh makhluk lalu berhijrah menuju Allah ﷻ maka itulah murid sejati lagi benar adanya.

Cukuplah sekadar ini diperturunkan untaian mutiara hikmah dari para Saiyidina yang arifin lagi ulamaul amilin – semoga Allah meredhai mereka semua- buat tatapan seorang murid sufi sejati sebagai panduannya untuk menempuh pelbagai mujahadah bermula dari mensucikan dirinya dari sifat-sifat yang merosakkan hinggalah kepada menghiasnya dengan sifat-sifat terpuji.

Pesan Buat Murid Sejati

Para syeikh sufi –semoga Allah meredhai mereka semua- telah menyebutkan:

من لم تكن له في بدايته أشواق محرقة ورغبات مشتعلة لم يكن له في نهايته أنوار مشرقة وإستقامات كاملة.

"Barang siapa yang memulakan (perjalanannya) tanpa rindu yang membara dan keinginan yang menyala maka kesudahannya tidak akan mendapat cahaya yang terang, tidak juga istiqamah sempurna".

Antara rindu yang membakar itu ialah rindu dendam seorang murid untuk bertemu dan mendengar suara guru mursyidnya yang merupakan ayah bondanya, juga rindu kepada para ikhwan seperjuangannya dalam tarekat secara khusus. Juga kerinduannya untuk bertemu dengan para solihin dari kalangan umat junjungan Nabi Agung Muhammad Rasulullah ﷺ, kalau boleh setiap waktu tapi dengan tidak mengabaikan tanggungjawabnya yang lain yang telah ditetapkan oleh syariat yang mana tanggungjwab-tanggungjawab itu mesti dipikul olehnya sendiri, begitu juga tidak mengurang atau mengabai segala hak orang lain keatas dirinya berdasarkan kefahaman setiap murid sufi sejati yang jujur dalam perjalanannya kerana itu semua penting bagi dirinya demi mencapai faedah besar sedangkan tempoh masanya hanyalah baki umur kita yang tinggal sedikit ini.

Setelah itu ketahuilah bahawa rindu yang paling agung ialah cita-cita yang sentiasa membara untuk melihat penghulu junjungan agung baginda Nabi Muhammad ﷺ dalam mimpi dan yaqazah (secara jaga) dengan cara menteladani perjalanan hidup baginda baik dalam perkataan, tingkah laku mahupun

gerak diam baginda seperti yang dapat dibaca melalui kitab-kitab hadis dan sejarah yang sahih, juga melalui berguru dengan mursyid yang sejati. Demikianlah keadaan orang-orang Tuhan sehingga ada dikalangan mereka yang menyatakan bahawa:

والله لو غاب عني رسول الله صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم ما أعددت نفسي من المسلمين.

"Demi Allah, kalaulah ghaib Rasulullah ﷺ dariku maka aku tidak mengira diriku dari golongan orang Islam".

Maka perhatikanlah sidang pembaca yang budiman betapa agungnya himmah dan cita-cita besar lagi mulia seperti ini demi untuk menzahirkan roh istiqamah yang kita sama-sama usahakan untuk menjadi realiti.

Wasiat Sidi Abu Madyan r.h

Kemudian dari itu wajiblah bagi seorang murid sejati lagi muhsin yang ingin menempuh perjalanan kaum solihin untuk beradab sopan dengan akhlak para ulama-ulama Islam yang agung khususnya para wali Allah dan muqarrabin –semoga Allah meredhai mereka semua-kerana mereka itulah contoh teladan yang baik. Dan mestilah seorang murid itu mengamal wirid zikir para wali tersebut dengan penuh perhatian, himmah, mesra, asyik, mahabbah, muraqabah, musyahadah, serta penghargaan sebenarnya kerana wirid zikir ini umpama sepasang sayap bagi seekor burung. Telah berkata Syeikh Muhyiddin Ibnu Arabi r.h dalam takhmis Qasidah As-Suluk karangan Sidi Abu Madyan r.h:

اسـلك طريقهموا إن كنت تابعهم

واترك دواعيك واحذر أن تراجعهم

فـيمـا يـريدونه واقصـد مـنافعهم

واستغنم الوقت واحضر دائما معهم

واعـلم بأن الرضا يختص من حضرا

jika benar engkau berteladan
maka ikutlah jalan mereka
tinggalkanlah seruan peribadimu
jangan sekali membantah mereka
carilah manfaat dari mereka,
rebutlah selalu untuk bersama
ketahuilah redha Allah dikhususkan
untuk yang hadir bersama mereka

Pada pendapatku inilah pintu *fath* (pembukaan dari Allah) untuk hadir dan bersama Allah Azza Wajalla seperti yang disebut oleh para syuyukh -semoga Allah meredhai mereka-:

من دلك على الدنيا فقد غشك ومن دلك على الآخرة فقد أتعبك ومن دلك على الله فقد أراحك.

"Barangsiapa menunjukmu kepada dunia sesungguhnya dia telah menipumu, barangsiapa menunjukmu jalan kepada akhirat sesungguhnya dia telah melelahkanmu, barangsiapa menunjukmu jalan menuju Allah sesungguhnya dia telah menyenangkanmu".

Tasawwuf Palsu

Dari dahulu hingga sekarang ada saja kedapatan Tasawwuf plagiat, palsu dan bid'ah hasil rekaan manusia-manusia keji yang sebati dengan ajaran-ajaran kebatinan. Mereka menyarung pakaian sufi untuk menarik dan memperdaya masyarakat umum seterusnya menyuntik racun kekufuran mereka kedalam pengajian Tasawwuf yang disertai dengan ajaran-ajaran karut bagi menyesatkan kaum Muslimin. Golongan ini sama sekali bukan ahli sufi, mereka langsung tidak mempunyai apa-apa hubung kait dengan Tasawwuf Islam. Para mahaguru sufi dari kalangan ulama' amilin -semoga Allah meredhai mereka- telah menelanjangi golongan ini dengan total dan menghukumkan bahawa nisbah mereka kepada Tasawwuf adalah palsu, mereka menciplak kata-kata ulama sufi, mereka adalah golongan mulhid dan zindiq yang tergelincir dari landasan aqidah tauhid.

Tembelang dan dakwaan golongan pemalsu Tasawwuf telah dibongkar oleh para masyaikh sufi Islam yang ulung yang telah tahqiq pada segala peningkatan yang dikurniakan Allah Taala baik dalam soal makna, rahsia serta cahaya kesufian, mereka telah dimuliakan Ilahi dengan menelusuri maqam-maqam kehambaan di sisi Allah ﷻ. Merekalah peribadi-peribadi agung yang apabila disebut sejarah mereka jiwa menjadi murni dan hati menjadi hidup. Yang terutama dikalangan mereka ialah junjungan baginda nabi kita Muhammad ﷺ serta seluruh para sahabatnya, ahli keluarganya dan para isteri baginda yang merupakan ummahatul mukminin, diikuti pula oleh para tabi'in dan tabiut tabi'in.

Ulama Tasawwuf Sepanjang Zaman

Sesudah generasi pertama ini berlalu bermula pula era pembukuan seluruh cabang ilmu pengetahuan insaniah dan ilmu-ilmu wahyu. Kerja-kerja pembukuan dilakukan demi menyelamatkan ilmu-ilmu tadi dari pupus dan hilang kerana kedhaifan hemah masyarakat dan kelemahan mereka dalam beramal, ini berpunca dari kejutan berbagai perselisihan dan penyakit sosial yang muncul di zaman itu. Dengan ini para ulama dan pendeta ilmu mula mengarang dan menuang aset pengetahuan masing-masing ke dalam buku dan kitab setelah sekian lama hanya tersimpan di dalam dada mereka.

Sebahagian dari ulama tersebut telah menghasilkan karya-karya dalam bidang etika moral, kemuliaan akhlak, penyucian jiwa, maqam ihsan dan Tasawwuf. Antara yang tersohor ialah Al-Imam Abul Qasim Al-Qusyairi, Al-Imam Abu Abd. Rahman As-Salami, Al-Imam Al-Harith Al-Muhasibi, Al-Imam Abu Hamid Al-Ghazali, Al-Imam Ahmad Zarrouq, Al-Imam Ibnu Atho'illah As-Sikandari, Al-Imam Abd. Wahhab As-Sya'rani, Al-Imam As-Suyuthi dan Al-Imam Abd. Halim Mahmoud serta ramai lagi para ulama agung yang telah zahir di setiap kurun dan akan berterusan hingga ke hari kiamat –semoga Allah melimpahkan redhaNya kepada mereka semua- kerana pertembungan antara ahlul haq dan ahlul bathil adalah suatu kenyataan yang tiada penghujungnya.

Tasawwuf Ikut-ikutan

Ada pula golongan penipu yang menisbahkan diri kepada komuniti sufi dengan menjadikan Tasawwuf sebagai satu bentuk budaya songsang yang diwarisi sesama mereka dengan bid'ah-bid'ahnya, syiar-syiar palsu dan istiadat mungkar. Mereka mengaku-ngaku diri sebagai ahli Tasawwuf dan sufi, mereka sebenarnya penyamun jalanan yang mencelakakan murid sejati, mereka ibarat pendatang haram di negeri sufi, mereka adalah para pesalah. Malangnya golongan begini ada di mana saja dengan jumlah yang ramai, cuma Alhamdulillah mereka tidak berpengaruh kerana para ahli Tasawwuf dan ulama-ulama sufi yang amilin –semoga Allah meredhai mereka semua- terus mendedahkan siapa sebenarnya golongan ini serta membongkar segala perbuatan dan perkataan mereka.

Orang yang mendakwa Tasawwuf mendorong kepada sifat malas, kebodohan tegar, IQ lemah, pengangguran dan pengemis… orang ini adalah pendusta. Tujuan dakwaan ini ialah untuk memukul Islam dan umat Islam dari akar umbinya; melalui dakwaan ini mereka mencemar nama ulama rabbani yang sampai dan menyampaikan kepada Allah melalui sanad mereka yang bersambung kepda junjungan baginda nabi kita Muhammad ﷺ. Jika mereka berjaya memutuskan hubungan sanad ini (semoga dijauhkan Allah Taala) maka jadilah orang Islam tanpa pemimpin yang mentarbiah, mengajar dan mendidik mereka dengan adab…malangnya inilah yang berlaku sekarang.

Berdasarkan kenyataan ini wajiblah kita mengiktiraf dan kembali rujuk kepada Allah ﷻ melalui junjungan Rasulullah ﷺ yang telah bersabda:

لا يؤمن أحدكم حتى أكون أحب إليه من نفسه وماله وولده والناس أجمعين.

"Tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga aku lebih dicintai dari dirinya sendiri, hartanya, anaknya dan seluruh manusia".

Dan berkata pula Saiyidina Umar Ibnul Khattab ﷺ:

"*Dahulu kami hina dina lalu Allah memuliakan kami dengan agama ini*", maksudnya Allah memuliakan kami dengan junjungan baginda Rasulullah ﷺ kemudian empat khalifah baginda yang diijmak-kan kemudian dengan para khalifah-khalifah baginda yang seterusnya; para ahli ubudiyyah kepada Allah ﷻ , para awliya agung, para ulama amilin dan rabbani serta para masyaikh Islam sehingga ke hari kiamat.

Sikap Yang Sepatutnya

Demi menginsafi kebenaran dan berlaku adil terhadap mereka yang benar maka haruslah difahami bersama bahawa dosa-dosa kaum pendusta yang menyamar dan menyeleweng itu tak patut dipikulkan di atas bahu Tasawwuf dan golongan sufi Islam. Puji atau keji, dorongan mahupun ancaman haruslah ditujukan kepada mereka yang berhak menerimanya dengan mengenepikan sentimen taksub dan asabiah mahupun menuduh tanpa bukti dan ilmu, tanpa firasat, kasyaf, istikharah, juga tanpa merujuk kepada mereka yang sempurna akal, ilmu, amal dan adab di setiap tempat dan zamannya. Perenggan ini kami sudahi dengan menukil pandangan Imam As-Syatibi – semoga Allah meredhainya serta para solihin- tentang siapa sebenarnya kaum sufi itu, kata beliau:

الصوفية الصادقين هم أهل اتباع لا ابتداع وإنهم أحرى بالمدح والتقدير وإنهم أبعد الناس عن البدع وأهلها وأرعى الناس للحفاظ على اتباع الشريعة وآدابها.

"Sesungguhnya kaum sufi yang sejati itu adalah orang-orang yang mengikuti perjalanan sunnah, mereka bukan kaum bid'ah, merekalah golongan yang paling patut menerima pujian dan penghargaan, merekalah manusia yang paling jauh dari perbuatan bid'ah, merekalah golongan yang paling menjaga soal-soal syariat dan adab-adabnya...".

Demikianlah sebenarnya roh tarekat sufiyah yang dibawa oleh para syeikh kami r.h ada pada suhbah (berguru) yang dipenuhi oleh kasih sayang, berkorban, khidmat dengan tulus, keyakinan, tolak ansur dan mendahulukan kepentingan kawan beserta ihsan.

Apabila sifat-sifat ini mendarah daging didalam jiwa seorang murid sejati/muhsin bersyukurlah dia banyak-banyak memuji Allah Taala kerana itu merupakan petanda dia benar-benar menjalani suluk (didikan) para abrar, syuhada dan solihin yang merupakan sebaik-baik teman. Bagi Allah jua segala pujian dan budi, kepadaNya kita bermohon kemaafan, afiat, hidayah, taufik, keredhaan, lindungan dan penjagaan. Kita bermohon kepada Allah agar menjadikan kita sebaik-baik hambaNya yang mengucap selawat dan salam buat rasul kekasih pilihanNya; junjungan baginda nabi kita Muhammad Rasulullah ﷺ.

Qasidah
Adab Suluk
Karya Syeikh As-Syuyukh
Abi Madyani رضي الله عنه

Berkali-kali aku mendengar guru mursyidku Sidi Abd. Nasir Abu Bakr As-Siddiq Al-Hasani dalam banyak majlis menukil dari guru mursyidnya Sidi Abd. Rahman Al-Hasani mengenai Qasidah As-Suluk karya Sidi Abu Madyan Al-Gauth -semoga Allah meredhainya dan seluruh solihin- bahawa barangsiapa membaca qasidah ini sehari-hari serta merenung maknanya dan mempraktis ajarannya maka terjaminlah bagi dirinya tarbiyyah dan istiqamah, lalu dengan itu layaklah dia menjadi murid sufi sejati Insya Allah – wallahu a'lam.

مَا لَذَّةُ العِيشِ إلاَّ صُحْبَةُ الفُقَرَا * هُمُ السَّلاَطِينُ وَالسَّادَاتُ وَالأُمَرَا

Hidup ini tiada manisnya jika tidak mendamping fuqara, merekalah sultan yang sebenarnya, para junjungan dan umara

فَاصْحَبْهُمُو وَتَأَدَّبْ فِي مَجَالِسِهِمْ * وَخَلِّ حَظَّكَ مَهْمَا خَلَّفُوكَ وَرَا

Dampingi mereka dan beradablah di majlis mereka tetaplah kamu di garis belakang, biarpun mereka memuliakanmu

وَاسْتَغْنِمِ الْوَقْتَ وَاحْضُرْ دَائِماً مَعَهُمْ *

وَاعْلَمْ بِأَنَّ الرِّضَى يَخْتَصُّ مَنْ حَضَرَا

Ambillah peluang untuk hadir bersama mereka, ketahuilah bagi yang hadir akan beroleh restu Yang Esa

وَلاَزِمِ الصَّمْتَ إِلاَّ إِنْ سُئِلْتَ فَقُلْ *

لاَ عِلْمَ عِنْدِي وَكُنْ بِالْجَهْلِ مُسْتَتِرَا

Kekalkan diam, kalau ditanya jawablah saja: Hamba tak berilmu, sembunyikan dirimu dengan asal kejahilanmu

وَلاَ تَرَ الْعَيْبَ إِلاَّ فِيكَ مُعْتَقِداً * عَيْبًا بَدَا بَيِّنًا لَكِنَّهُ اسْتَتَرَا

Keaiban jangan kau pandang melainkan pada dirimu jua,dengan yakin aibmu ada, cuma sembunyi dari nyata

وَحُط رَأْسَكَ وَاسْتَغْفِرْ بِلاَ سَببٍ * وَقُمْ عَلَى قَدَمِ الإِنْصَافِ مُعْتَذِرَا

Tundukkan kepala dan istighfarlah tanpa penyebab, bangun dan insaf mengaku salah

وَإِنْ بَدَا مِنْكَ عَيْبٌ فَاعْتَرِفْ وَأَقِم *

وَجْهَ اعْتِذَارِكَ عَمَّا فِيكَ مِنْكَ جَرَا

Jika aibmu zahir ternyata, maka mengakulah akan salahnya ,pohonkan maaf salahmu, itu atas yang sudah terlanjur berlaku

وَقُلْ عُبَيْدُكُمُ أَوْلَى بِصَفْحِكُمْ * فَسَامِحُوا وَخُذُوا بِالرِّفْقِ يَا فُقَرَا

Katakanlah pada mursyidmu: "Hambamu tuan; yang kerdil ini terlebih layak menerima ampunmu, maka ampunkan dan berlembutlah, maafkan hamba wahai fuqara"

هُمْ بِالتَّفَضُّلِ أَوْلَى وَهْوَ شِيمَتُهُمْ * فَلاَ تَخَفْ دَرَكاً مِنْهُمْ وَلاَ ضَرَرَا

Merekalah yang afdhal sebenar-benarnya, memberi maaf sifat mereka jangan kau gerun dari mereka; takkan mudharat diapa-apa

وَبِالتَّفَتِّي عَلَى الإِخْوَانِ جُدْ دَائِماً *

حِسًّا وَمَعْنًى وَغُضّ الطَّرْفَ إِنْ عَثَرَا

Tetaplah berbudi pada ikhwanmu, dengan harta mahupun jiwamu, jika tersilap langkah mereka, jangan kau pandang kesalahannya

وَرَاقِبِ الشَّيْخَ فِي أَحْوَالِهِ فَعَسَى * يَرَى عَلَيْكَ مِنِ اسْتِحْسَانِهِ أَثَرَا

Muraqabah-lah mursyidmu pada ehwalnya, moga terkesan dalam jiwamu, bekas ihsannya pada dirimu

وَقَدِّمِ الْجِدَّ وَانْهَضْ عِنْدَ خِدْمَتِهِ * عَسَاهُ يَرْضَى وَحَاذِرْ أَنْ تَكُنْ ضَجِرَا

Utamakan kesungguhan, khidmatilah syeikh dengan kegigihan, semoga beliau meredhaimu, jangan terlihat padamu jemu

فَفِي رِضَاهُ رِضَى الْبَارِي وَطَاعَتُهُ ❋

يَرْضَى عَلَيْكَ فَكُنْ مِنْ تَرْكِهَا حَذِرَا

Sungguh redhanya redha Ilahi, taat padanya taat Ilahi, padamu moga hasil redhanya, jangan kau sampai mencuaikannya

وَاعْلَمْ بِأَنَّ طَرِيقَ الْقَوْمِ دَارِسَةٌ ❋ وَحَالُ مَنْ يَدَّعِيهَا الْيَوْمَ كَيْفَ تَرَى

Ketahuilah, sesungguhnya jalan kesufian telah pupus! Lalu apa pendapatmu terhadap yang mengaku diri syeikh sufi di zaman ini?!

مَتَى أَرَاهُمْ وَأَنَّى لِي بِرُؤْيَتِهِمْ ❋ أَوْ تَسْمَعُ الأُذْنُ مِنِي عَنْهُمُو خَبَرَا

Entah bilakah dapat ku jumpa, layakkah sepertiku bertemu mereka, dapatkah pula telingaku ini, mendengarkan berita tentang mereka

مَنْ لِي وَأَنَّى لِمِثْلِي أَنْ يُزَاحِمَهُمْ ❋ عَلَى مَوَارِدَ لَمْ أَلْفِ بِهَا كَدَرَا

Siapalah diriku, bagaimanalah orang sepertiku mencita-citakan, untuk turut serta mereka, di sumber air yang keheningan

أُحِبُّهُمْ وَأُدَارِيهِمْ وَأُوثِرُهُمْ ❋ بِمُهْجَتِي وَخُصُوصًا مِنْهُمْ نَفَرَا

Ku cinta mereka sepenuh jiwa, ku rayu kasih dan ku pilih mereka, istimewa pula beberapa tokoh dikalangan mereka

قَوْمٌ كِرَامُ السَّجَايَا حَيْثُمَا جَلَسُوا * يَبْقَى الْمَكَانُ عَلَى آثَارِهِمْ عَطِرَا

Merekalah kaum yang mulia pekertinya, yang mengharum suasana walau di mana mereka berada

يُهْدِي التَّصَوُّفُ مِنْ أَخْلَاقِهِمْ طَرَفاً * حُسْنُ التَآلُفِ مِنْهُمْ رَاقَنِي نَظَرَا

Pekerti mereka adalah bunga-bunga Tasawwuf nan indah, jambangan kemesraan mereka mempersona pandangan mata

هُمْ أَهْلُ وُدِّي وَأَحْبَابِي الَّذِينَ هُمُ * مِمَّنْ يَجُرُّ ذُيُولَ الْعِزِّ مُفْتَخِرَا

Merekalah para kekasihku dan merekalah kecintaanku, gemilangnya mereka amat terbilang

لاَ زَالَ شَمْلِي بِهِمْ فِي اللهِ مُجْتَمِعًا * وَذَنْبُنَا فِيهِ مَغْفُورًا وَمُغْتَفِرَا

Semoga tetap ikatan jiwaku demi Allah dengan mereka, moga dengan ikatan itu terampun kita segala kesalahan

ثُمَّ الصَّلاَةُ عَلَى الْمُخْتَارِ سَيِّدِنَا * مُحَمَّدٍ خَيْرُ مَنْ أَوفَى وَمَنْ نَذَرَا

Buat junjungan insan terpilih, ucapan selawat dari Tuhannya, Sidna Muhammad insan budiman, yang tersetia pada janji-annya.

Qasidah Takhmis
Suluk Jalan Tarbiyyah
Karya Syeikhul Akbar Ibnul Arabi رضي الله عنه
-semoga Allah meredhainya
serta para solihin-

Kerana amat penting dan begitu berkatnya qasidah Sidi Abu Madyan tadi maka Syeikh Al-Akbar Sidi Muhyiddin Ibnu Arabi (murid kepada Sidi Abu Madyan) telah melengkapkan Qasidah Suluk karya gurunya itu menjadi lima rangkap. Ini dilakukan demi menerangkan lagi maknanya dan menambah kekuatan qasidah ini disamping merupakan satu penghormatan dari seorang murid kepada gurunya, penghargaan dan kenangan terhadap jasa seorang pendidik jiwa, pengiktirafan terhadap ketinggian maqam sang guru serta menjaga adab dengannya. Semoga Allah menjadikan kita berpegang teguh dengan perjalanan dan akhlak mereka... amin. Ya Allah maafkanlah kami dan maafkanlah mereka yang mengata kami dengan benar atau tidak, ampunkan kami dan mereka dari segala kegelinciran, keburukan dan kesilapan yang berlaku pada kami dengan sengaja atau tiada, sesungguhnya Engkau-lah Tuhan yang Maha Perkasa, Maha 'Alim, Maha Bijaksana, Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Inilah permintaan kami kerana mengambil berkat dan dorongan firman Allah Taala: "Allah jua yang menerima taubat dari hambaNya dan Dia memaafkan segala kesalahan".

Wahai penuntut kelazatan dunia sementara
jika kau ingin kebaikan padamu ternyata
maka dengarlah bicara penasihat yang amanah
Hidup ini tiada manisnya jika tidak mendamping fuqara
merekalah sultan yang sebenarnya, para junjungan dan umara

Merekalah kaum yang redha hidup sederhana
sedikit pakaian dan makanan, dunia tak melintas di fikiran
di hati mereka tiada was-was mengganggu jiwa
Dampingi mereka dan beradablah di majlis mereka

tetaplah kamu di garis belakang
biarpun mereka memuliakanmu

Ikutilah perjalanan mereka, tinggallah seruan peribadimu
hati-hatilah jangan sesekali mempersoal mereka
pada setiap suruhan mereka, qasadkanlah manfaat mereka
Ambillah peluang untuk hadir bersama mereka
ketahuilah bagi yang hadir akan beroleh restu Yang Esa
Sentiasalah redha dengan mereka
engkau akan mulia engkau kan berjaya
jika mereka memberimu tugas maka teguhlah
jika mereka membatalkan maka akurlah
jika mereka melaparkanmu maka berlaparlah
jika mereka menjamu-mu maka makanlah
Kekalkan diam, kalau ditanya jawablah saja:
Hamba tak berilmu
sembunyikan dirimu dengan asal kejahilanmu

Jangan mengaib kelemahan orang, walaupun jelas aibnya itu
pandanglah dengan kesempurnaan,
walau siapapun jangan diaibkan
Keaiban jangan kau pandang melainkan pada dirimu jua
dengan yakin aibmu ada, cuma sembunyi dari nyata

Jika itu sudah sikapmu hasillah engkau adab citamu
hinakan nafsumu pada fuqara, hinakan ia dengan sebenarnya
bahkan menghina diri itulah adabnya
Tundukkan kepala dan istighfarlah tanpa penyebab
bangun dan insaf mengaku salah

Jika kau mahu suluhan mereka pada jalan toriqmu ini
jauhlah engkau dari segala yang menjadi kebencian mereka
lazimlah berbuat segala yang molek
Jika aibmu zahir ternyata maka mengakulah akan salahnya
pohonkan maaf salahmu itu atas yang sudah terlanjur berlaku

Hantar rayumu pada mereka
dengan katamu: Ubati hamba dengan maafmu
ubatilah segala sakit lukaku
hamba bersalah mohonlah tuan menasihatiku
Katakanlah pada mursyidmu:
"hambamu tuan yang kerdil ini
terlebih layak menerima ampunmu
maka ampunkan dan berlembutlah,
maafkan hamba wahai fuqara"

Kalau bersalah terhadap mereka,
janganlah gusar terhadap mereka
terlebih agung hemah mereka daripada membinasamu

mereka buka raja yang kejam,
sewenang-wenang mengguna kuasa
Merekalah yang afdhal sebenar-benarnya
memberi maaf sifat mereka
jangan kau gerun dari mereka;
takkan mudharat diapa-apa
Jika kau mahu bersama mereka, pada jalan tuju hidayah
dengan bersungguh kau kerjakanlah
segala suruhan dari mereka
dengan segera laksanakanlah,
jangan kau tangguh hingga ke esok
Tetaplah berbudi pada ikhwanmu,
dengan harta mahupun jiwamu
jika tersilap langkah mereka,
jangan kau pandang kesalahannya
Teluslah engkau bersama mereka, sifat curang engkau jauhi
kerana mereka ahli kejujuran, kaum mulia dan utama
kalau ada tersalah mereka, tidak mengapa maafkan saja
Muraqabah-lah mursyidmu pada ehwalnya
moga terkesan dalam jiwamu, bekas ihsannya pada dirimu

Mintalah doa dari mursyidmu,
tercapai maksudmu dengan berkatnya
tetaplah baik sangkamu padanya,
jagalah sentiasa adabmu dengannya

Utamakan kesungguhan,
khidmati mursyid dengan kegigihan
semoga beliau meredhaimu, jangan terlihat padamu jemu

Jagalah pesannya, sungguh-sungguhlah mengamalkannya
bersegera menyahut pabila dia memanggilmu
rendahkan suaramu sebagai ketaatan di hadapannya
Sungguh redhanya redha Ilahi, taat padanya taat Ilahi
padamu moga hasil redhanya,
jangan kau sampai mencuaikannya

Setialah kamu pada mursyidmu, dirinya jiwa yang terkendali
sungguh benar di zaman ini, nafsu manusia degil sekali
mursyid pun sudah tidak dipedulikan lagi
Ketahuilah, sesungguhnya jalan kesufian telah pupus!
Lalu apa pendapatmu terhadap yang mengaku
diri syeikh sufi di zaman ini?!

Nyata sungguh mesra mereka, setelah aku dampingi mereka
bila berpisah hatiku duka, diriku jadi gundah gulana
Entah bilakah dapat ku jumpa,
layakkah sepertiku bertemu mereka
dapatkah pula telingaku ini,
mendengarkan berita tentang mereka

Ini memang salahku jua, ketinggalan aku menjejak mereka
dari mereka datangnya aku, salahnya aku bukan mereka
wahai Tuhan layakkan aku, agar dapat ku serta mereka
Siapalah diriku,
bagaimanalah orang sepertiku mencita-citakan
untuk turut serta mereka, di sumber air yang keheningan

Kata-kata tak mampu menceritakan kemuliaan mereka
bahkan zahir diri mereka dalil kebesaran batin mereka
mentaati Allah itulah kebanggaan mereka di alam dunia
Ku cinta mereka sepenuh jiwa,
ku rayu kasih dan ku pilih mereka
istimewa pula beberapa tokoh dikalangan mereka

Ketaatan mereka kepada Allah
menjadikan mereka penghulu makhluk
melalui mereka manusia beroleh adab mulia
siapa yang ketinggalan maka malang sungguh nasibnya
Merekalah kaum yang mulia pekertinya
yang mengharum suasana walau di mana mereka berada

Tetaplah engkau merindui mereka,
jangan terpisah dari mereka
bila tertinggal dari mereka, sesal-lah benar tangisan jiwa
merekalah kaum yang terutama, mendidik insan jadi mulia

Pekerti mereka adalah bunga-bunga Tasawwuf nan indah
jambangan kemesraan mereka mempersona pandangan mata

Bangga benar hatiku bila, dapat aku cinta mereka
demi cinta mereka menerimaku
sebagai khadam kerdil mereka
amat berharga cinta mereka, takkan ku lupa selama-lama
Merekalah para kekasihku dan merekalah kecintaanku
kemuliaan mereka cemerlang nyata

Dengan nazam cintaku ini, ku hiris kalbuku berkeping-keping
kepada Tuhan aku bertawassul
dengan mereka setinggi harapan
agar Tuhan mengampun dosaku dan muslimin keseluruhan
Semoga tetap ikatan jiwaku demi Allah dengan fuqara
moga dengan ikatan itu terampun kita segala kesalahan

Wahai yang hadir di tempat ini, duduk semajlis bersama kami
dengan berkat para fuqara, mohonkan Allah mengampun kita
doakan jua diri pengarang, nazam indah lima rangkapnya
Kemudian buat junjungan terpilih,
ucapan selawat dari Tuhannya
Nabi Muhammad insan budiman,
yang tersetia pada janjiannya.

Kajian dan Karya Akan Datang

1. Mengapa ziarah awliya

Siapakah wali-wali Allah itu? Bagaimana kita dapat mengenali mereka dan apa tanda-tanda mereka? Untuk apa menziarahi para wali yang masih hidup. Untuk apa menziarahi para wali yang telah berpindah dari dunia fana ke alam baqa'. Apa yang dituntut keatas para ahli Islam, ahli Iman dan ahli Ihsan terhadap penziarahan kepada kedua golongan wali ini? Dimana titik pertemuan dan perbezaannya? Siapakah yang dimaksudkan dengan ahli Islam itu? Siapakah yang dimaksudkan dengan ahli Iman itu? Siapakah yang dimaksudkan dengan ahli Ihsan itu?

2. Jihadun Nafs (mujahadah melawan nafsu) dalam firman Allah Taala "Sesungguhnya telah berjayalah orang yang mensucikannya"

Apakah pengertian jihadun nafs (mujahadah)? Kenapa kita perlu mensucikannya? Definisi am dan khas tentang nafsu manusia, jenis-jenis dan tingkatan nafsu manusia dan cara peningkatannya. Bagaimana caranya kita mendidik nafsu kita, apakah ada metode dan alat untuk tujuan itu. Apakah halangan-halangan utama dalam mendidik nafsu? Bagaimana kita memulakannya dan dimana penghujung yang kita cita-citakan dan hingga ke tahap mana yang ingin kita sampai dengan mujahadah.

3. Mengenai pentadbiran refleksi dan kejuruteraan jiwa (NLP)

serta kemampuannya untuk merapatkan jurang pendapat antara golongan penyokong, penentang dan kumpulan berkecuali terhadap Tasawwuf Islam yang benar, jelas dan murni.

Matapelajaran Pertama Di Madrasah Kita

Pendorong Kebahagiaan, Merasai Harga Diri, Fokus Dalam Muraqabah

1. Berbaik sangka dengan Allah Azza Wajalla, berbaik sangka dengan junjungan baginda nabi kita Rasulullah ﷺ dan berbaik sangka dengan syeikh mursyid yang memberi bimbingan, pimpinan dan membawamu kepada Allah dan Rasul.
2. Menjaga solat fardhu dalam waktunya serta penekanan khusus bagi mempelajari dan memahami syarat-syarat solat, perkara wajibnya, sunah-sunnahnya, perkara yang membatalkannya serta memberi perhatian terhadap solat sunat *qabliyyah* dan *ba'diyyah* lima waktu. Jika kamu penduduk kota Madinah Al-Munawwarah lazimilah solat di masjid junjungan baginda Rasulullah ﷺ setidak-tidaknya satu waktu setiap hari.
3. Muraqabah (mengawalselia) tindak-tanduk kita sepanjang hari. Contoh: Hari ini berapa kali kamu berbohong? Berapa banyak ucapan jahat yang dilafazkan? Berapa jam telah disia-siakan dengan membuat maksiat atau dimanfaatkan bagi membuat taat? Dalam sehari berapa jam kamu habiskan menonton tv?
4. Mengorganisasi waktu 24 jam sehari semalam. Bagaimana kamu dapat mengatur waktu; apa yang patut ditambah dan apa yang patut dikurangkan dari perkara-perkara berikut, contohnya melazimi zikir, mengembang kemahiran berfikir, memeriksa dan mengkoreksi diri, mencari rezeki halal melalui pekerjaan yang diharuskan, memegang disiplin waktu kerja dengan hadir dan pulang pada waktu yang ditetapkan serta memberi fokus terhadap kejayaan dan produktivitinya. Mengatur waktu tidur dan memberi masa bagi mendidik anak-anak, bersama keluarga dan menghubung silatur rahim.
5. Amalan wirid selawat dan salam keatas junjungan baginda Nabi Muhammad ﷺ dalam bentuk selawat ringkas atau

panjang, atau selawat yang tercantum dalam wirid am, atau mengamalkan selawat yang diminatinya. Hari demi hari cubalah untuk menambah bilangan wirid selawat itu kerana seorang soleh berkata –semoga Allah meredhainya serta seluruh para solihin-:

أدم الصلاة على النبي محمدا فقبولها حتما من دون ترددا

أعمالنا بين القبول وردها إلا الصلاة على النبي محمدا

kekalkan selawat keatas Nabi Muhammada
kabulnya selawatmu adalah pasti diterima
amalan kita antara diterima atau ditolak
kecuali selawat keatas Nabi Muhammada

6. Menjaga thaharah (wudhu') sepanjang waktu disamping mempelajari syarat-syaratnya, rukun-rukunnya serta sunat-sunatnya supaya dapat dihalusi wudhu' kita yang merupakan pintu bagi segala hadhrah.
7. Melazimi wirid am tiap pagi dan petang yang merupakan amalan madrasah yang mendidik dan menerimamu.
8. Dari saat ini berhentilah berbohong, mengumpat dan menuduh orang Islam yang merupakan saudara-maramu jua. Bergaul-lah dengan masyarakat dengan berpegang pada zahir keadaan mereka.
9. Jangan menangguh kerja hari ini ke esok hari. Tidak sibuk dengan masa lalu kerana yang sudah berlalu telah luput waktu. Tidak merisaukan masa depan kerana yang belum terjadi itu termasuk perkara ghaib. Beri fokus hanya terhadap masa yang sedang kita jalani sekarang kerana apa yang kita tanam pada hari ini akan dituai pada esok hari, jadi berilah tumpuan terhadap perancangan, pembaikan dan latihannya.

10. Seorang mukmin menerima keuzuran dari orang lain manakala dia sendiri mengawal diri agar tidak meminta keuzuran. Berbeza dengan munafik yang tidak menerima keuzuran orang tapi mahu orang menerima keuzurannya. Pilihan kita ialah untuk menjadi orang mukmin kerana Allah ﷻ berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ يُدَٰفِعُ عَنِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ

"Sesungguhnya Allah membela orang-orang yang beriman"- **Al-Hajj: 38**

alangkah agungnya pembelaan ini.

11. Menjauhkan diri dari pertemuan dan perkumpulan yang tidak perlu dan tidak bermanfaat. Memberi tumpuan untuk mengembang tenaga positif dan membina supaya kita menjadi pihak yang memberi kesan, bukan pihak yang menerima pengaruh. Ertinya kita harus mula membuat perubahan yang disuruh oleh Allah ﷻ dan RasulNya ﷺ iaitu perubahan yang kita mahu untuk diri kita sebelum orang lain dari timur dan barat memaksakan perubahan yang mereka mahu keatas diri kita, waktu itu kita sudah terlewat masa.

Wirid Am
Cabang Madrasah
As-Salafiyyah lissadah
As-Syaziliyyah

أَعُوذُ بِاللهِ السَّمِيعِ العَلِيمِ مِنَ الشَّيطَانِ الرَّجِيم (بِسمِ اللهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيم ((٣ x)، وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّم تَسْلِيماً

Aku memohon perlindungan Allah yang Maha Mendengar lagi Maha Alim dari syaitan terkutuk. Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani (3x). Semoga Allah mengurniakan selawat dan salam yang melimpah ruah keatas junjungan baginda nabi kami Muhammad beserta ahli keluarga dan para sahabatnya.

١ - وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذ ظَلَمُوْا أَنْفُسَهُمْ جَاءُوْكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللهَ وَاسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللهَ تَوَّابًا رَّحِيما". لَبَّيْكَ اللهُمَّ رَبي وَسَعْدَيْك وَالخَيْرُ كُلُّهُ في يَدَيْك، فَهَا أَنَا عَبْدُكَ الضَّعِيفُ الذَّلِيلُ الفَقِيرُ الحَقِيرُ قَائِمٌ بَينَ يَدَيْكَ، أَقُولُ مُسْتَعِيناً بِكَ وَبِتَوْفِيقِك: أَسْتَغْفِرُ اللهَ العَظِيم، إِنَّ اللهَ غَفُورٌ رَّحِيم (١٠٠ x)

Dan jikalau mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah, juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani. Aku menyahut seruMu ya Allah dengan penuh gembira untukMu, seluruh kebaikan padaMu, dengan memohon pertolongan dan taufikMu aku ucapkan: (Aku memohon keampunan Allah yang Maha Agung sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang (100x))

٢- إِنَّ اللهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيما" . لَبَّيْكَ اللهُمَّ رَبِّي وَسَعْدَيْك وَالخَيْرُ كُلُّهُ فِي يَدَيْك، فَهَا أَنَا عَبْدُكَ الضَّعِيفُ الذَّلِيلُ الفَقِيرُ الحَقِيرُ قَائِمٌ بَينَ يَدَيْك، أَقُولُ مُسْتَعِيناً بِكَ وَبِتَوْفِيقِك: اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ عَدَدَ نِعَمِ اللهِ الكَرِيمِ وَإِفْضَالِه (١٠٠ x)

Sesungguhnya Allah dan para malaikatNya terus berselawat keatas Nabi, wahai orang-orang yang beriman berselawatlah keatas baginda dan ucapanlah salam akan sebagai salam yang sempurna. Aku menyahut seruMu ya Allah dengan penuh gembira untukMu, seluruh kebaikan padaMu, dengan memohon pertolongan dan taufikMu aku ucapkan: (Ya Allah kurniakanlah selawat, salam dan keberkatan keatas Saiyidina Muhammad beserta ahli keluarga dan para sahabatnya sebanyak, bilangan nikmat Allah yang Maha Mulia dan kelebihanNya (100x))

٣- فَاعْلَمْ أَنَّهُ لا إله إلا الله. لَبَّيْكَ اللهُمَّ رَبِّي وَسَعْدَيْك وَالخَيْرُ كُلُّهُ فِي يَدَيْك، فَهَا أَنَا عَبْدُكَ الضَّعِيفُ الذَّلِيلُ الفَقِيرُ الحَقِيرُ قَائِمٌ بَينَ يَدَيْك، أَقُولُ مُسْتَعِيناً بِكَ وَبِتَوْفِيقك: لاَ إِلَهَ إِلاَّ الله (٩٩x) سَيِّدُنَا وَمَوْلاَنَا مُحَمَّدٌ رَّسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّم.

Maka ketahuilah bahawa tiada Tuhan selain Allah. Aku menyahut seruMu ya Allah dengan penuh gembira untukMu, seluruh kebaikan padaMu, dengan memohon pertolongan dan taufikMu aku ucapkan: (Tiada Tuhan Selain Allah (99x)) junjungan baginda nabi kami Muhammad Rasulullah –semoga Allah mengurniakan selawat dan salam keatasnya beserta ahli keluarga dan para sahabatnya-.

٤- أَلاَ يَعْلَمُ مَن خَلَقَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الخَبِير. لَبَّيْكَ اللهُمَّ رَبِّي وَسَعْدَيْك وَالخَيْرُ كُلُّهُ فِي يَدَيْك، فَهَا أَنَا عَبْدُكَ الضَّعِيفُ الذَّلِيلُ الفَقِيرُ الحَقِيرُ قَائِمٌ بَينَ يَدَيْكَ، أَقُولُ مُسْتَعِيناً بِكَ وَبِتَوْفِيقِك اللَّهُمَّ الْطُفْ بِنَا يَا لَطِيف: يَا لَطِيف (١٢٩ x)

Tidakkah Allah yang menciptakan sekalian makhluk itu mengetahui (segala-galanya)? sedang Dia Maha Halus urusan PentadbiranNya, lagi Maha mendalam PengetahuanNya! Aku menyahut seruMu ya Allah dengan penuh gembira untukMu, seluruh kebaikan padaMu, dengan memohon pertolongan dan taufikMu aku ucapkan: Ya Allah berlemah lembutlah terhadap kami wahai Tuhan yang Maha Berlemah Lembut. (wahai Tuhan yang Maha Berlemah Lembut (129x)).

يَا لَطِيفاً فِي الأَزَلْ

أَنْتَ اللَّطِيفُ لَمْ تَزَلْ

أُلْطُفْ بِنَا فِيمَا نَزَلْ

بِجَاهِ القُرْآنِ وَمَنْ عَلَيهِ نَزَلْ

صَلَّى عَلَيهِ رَبُّنَا إِلَهُنَا عَزَّ وَجَلْ

وَآلِهِ وَصَحْبِهِ مَا لاَحَ نَجْمٌ وَأَفَلْ

(٣)

Wahai Tuhan yang Maha Berlemah Lembut sejak azali
Engkaulah yang tetap berlemah lembut
Berlembutlah dengan kami atas segala yang menimpa
Dengan berkat Al-Quran dan Nabi Muhammad
Allah berselawat keatas baginda serta keluarga dan sahabat
Selagi bintang masih menyinar dan kelam

يَا رَبِّ عَامِلْنَا بِعَفْوِكَ

مَعْ عَافِيَةٍ وَافِيَةٍ وَافِرَةْ

اِصْحَبْهُمَا لِي يَا كَرِيمُ مَعاً

فِي الدِّينِ وَالدُّنْيَا وَفِي الآخِرَةْ

(٣)

Wahai Tuhan layanlah kami dengan kemaafanmu
Serta afiat yang sempurna berlimpahan
Maafkan kami afiatkan kami wahai Tuhan
Pada agama dunia akhirat berkekalan

يَا لَطِيفَ الصَّنْعِ يَا مَنْ

كُلَّمَا دَاهَمَ الأَمْرُ جلاَ مَا دَهَمْ

يَا غِيَاثَ الْمُسْتَغِيثِينَ وَيَا

مَاضِيَ الْحُكْمِ إِذَا مَا حَكَمْ

نَفِّسِ الأَمْرَ عَلَيْنَا سُرْعَةً

إِنَّ ذَا الأَمْرَ عَلَيْنَا عَظَمْ

وَاسْتَجِبْ مِنَّا دُعَانَا كِرَماً

يَا كَرِيماً أَنْتَ رَبُّ الكُرَمَا

وَسَأَلْنَا اللُطْفَ مِنْكَ عَاجِلاً

يَا حَلِيماً أَنْتَ رَبُّ الْحُلَمَا

وَاسْبِلِ السِّتْرَ عَلَيْنَا دَائِماً

يَا رَحِيماً أَنْتَ رَبُّ الرُّحَمَاء

(٣)

Wahai Tuhan yang Maha Halus ciptaanNya
Wahai Tuhan yang melepaskan setiap kesulitan
Lepaskanlah dari kami kesusahan ini dengan segera
Sungguh berat atas kami menanggungnya
Mustajabkan doa kami wahai Tuhan yang Maha Karim
Engkaulah Tuhan kepada semua yang budiman
Kami bermohon kelembutanMu dengan segera
Wahai Lathif Engkaulah Tuhan segala yang santun
Hulurkanlah lindunganMu pada kami sentiasa
Wahai Rahim Engkaulah Tuhan segala pengasih

الفَاتِحَة لِسَيِّدِنَا وَحَبِيْبِنَا وَمَولانَا رَسُولِ الله صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم وَمِن جَنَابِه الشَّرِيفِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ هَدِيَّةً وَاصِلَةً لأَبَوَيْهِ الكَرِيْمَيْنِ ثُمَّ لِجَدِّهِ الكَرِيم وَأَعْمَامِهِ وَزَوْجَاتِهِ وَأَهْلِ بَيْتِهِ الطَّيِّبِينَ الطَّاهِرِينَ ثُمَّ لِسَادَتِنَا وَمَشَائِخِنَا رَضِيَ اللهُ عَنْهُم أَجْمَعِين.

Al-Fatihah kehadrat junjungan baginda junjungan kekasih kami Rasulullah ﷺ, juga dari sisinya yang mulia ﷺ sebagai hadiah yang washil kehadrat ayah bondanya yang mulia, nendanya yang mulia, para memandanya, isteri-isterinya, seluruh ahli keluarganya yang suci serta seluruh junjungan para masyaikh kami -semoga Allah meredhai mereka semua-.

Isi buku ini dipersembahkan kepada seluruh insan, khususnya buat mereka yang menuntut maqam ihsan, dampingan dan kewalian sepertimana firman Allah ﷻ : *"Merekalah yang berada diatas jalan petunjuk"* *"…dan merekalah orang-orang yang mendapat hidayah"*. Dengan sukacitanya juga saya mengenengahkan Tasawwuf Islam sebagai satu komponen lengkap melengkapi satu sama lain -tidak boleh diambil separuh dan meninggalkan separuh- demi kejayaan di dunia dan ganjaran pahala di akhirat. Itulah yang dimaksudkan oleh para masyaikh: "Tuhanku Engkau tujuanku, mahabbahMu, makrifahMu dan redhaMu yang ku pinta". Nyatalah bahawa Tasawwuf itu tidak boleh diambil sebagai simbol dan syiar lalu meninggalkan amal dan adabnya. Tasawwuf harus diambil secara lengkap dan menyeluruh, jika tidak ia dikira tidak sempurna dan cacat.

Satu lagi faktor yang menjadi pendorong untuk menulis dalam bidang yang merupakan seni kerohanian Islam dan tepatnya di waktu ini ialah kalau diperhatikan maka kita mendapati ahli Tasawwuf terlalu ramai jumlah mereka di seluruh dunia sekarang, masing-masing dengan cara dan jalannya yang tersendiri menurut masa, tempat dan ikhwannya. Atas faktor ini saya mengambil langkah mengetuk pintu untuk memaklumkan kepada semua bahawa kita perlu mengadakan dailog, perbincangan serta integrasi ilmu, makrifat, adab dan zauq antara sesama golongan yang tidak sedikit jumlahnya ini, inilah yang patut dilakukan dan bukannya meminggirkan mereka begitu saja. Seharusnya kita membuka semua jalan yang mungkin dan tidak mungkin bagi menyatu dan menggembeling seluruh golongan kaum muslimin dan mengerat hubungan sesama mereka demi masa depan yang cemerlang buat umat Islam yang agungnya kerana kita bernisbah kepada baginda nabi yang merupakan ciptaan paling afdhal serta penyebab kepada seluruh ciptaan lainnya, dialah junjungan baginda nabi kita Muhammad Rasulullah ﷺ.

Definisi Madrasah Sufi

Satu lagi perkara -untuk lebih melengkapkan maksud- memberi definisi kepada madrasah dan tareqat sufi Islam. Ia ibarat penubuhan sebuah sekolah bestari atau kolej, atau sebuah universiti. Perkara pertama yang mesti dibuat ialah mengumpul semua maklumat yang diperlukan bagi mendapat lesen penubuhan dari pihak berwajib, kemudian mengenal golongan sasar yang akan menerima pendidikan dan apa bentuk yuran yang bakal dikenakan kepada penuntut. Dikeranakan itu seorang pengamal kejuruteraan atau perubatan -sebagai contoh- tidak sewenang-wenangnya memperkenal diri sebagai jurutera dan doktor tanpa menunjuk ijazah dan kesahihan pengajiannya di univeriti atau kolej yang berkenaan. Selepas bukti ini ditunjukkan datang pula dua perkara; pertama adakah universiti itu diiktiraf dan mempunyai autoriti bagi mengeluarkan ijazah tersebut. Kedua sejauh mana tahap kecemerlangan para pendidik dan program pendidikan rasmi dan tidak rasmi di universiti itu.

Berdiri Ketika Maulid

Seperkara lagi yang ingin saya sentuh di sini ialah soal berdiri ketika membacakan kisah kelahiran nabi kita ﷺ dalam majlis maulid. Perbuatan ini samalah juga apabila kita berada dalam satu upacara keraian lalu bangun menghormati kehadiran personaliti yang kerananya majlis itu diadakan seperti presiden negara, putera raja atau yang dipertuan agong. Selain dari itu kita juga akan bangun menghormati lagu kebangsaan negara yang sedang dimainkan. Jadi bagi tuan-tuan yang berfikiran waras tentu dapat memahami perbandingan antara berdiri di majlis maulid dengan berdiri di majlis-majlis yang kita sebutkan tadi.

Mendoakan Para Solihin

Saya iltizam mengucap doa rahmat dan keredhaan setiap kali menyebut tentang para sahabat, tabi'in, para solihin dan kalangan masyaikh -semoga Allah meredhai mereka semua- kerana para masyaikh -semoga Allah meredhai mereka semua- ada berkata: "Kamu mengambil faedah dari kami, maka adalah dipandang buruk bila kamu menyebut nama kami tanpa mendoakan rahmat keatas kami". Demikianlah halnya para masyaikh -semoga Allah meredhai mereka semua- apabila disebut nama orang soleh di sisi mereka maka mereka akan duduk beradab kerana bersopan terhadap maqam para solihin walau pun yang disebut itu tidak hadir dalam majlis mereka. Bagi kita pula setidak-tidaknya kalau lupa beradab ketika disebut nama para solihin maka janganlah sampai lupa untuk mendoakan rahmat keatas mereka. Inilah yang diperintahkan Allah ﷻ di dalam kitabNya yang mulia:

"...: Wahai Tuhan kami! Ampunilah kami dan saudara-saudara kami yang telah mendahului kami dengan iman" **- Al-Hasyr: 10.**

Hakcipta Ahli Tasawwuf

Sebagai penutup saya sertakan di sini satu petikan yang pernah saya baca di sebuah akhbar mengenai kajian yang dijalankan oleh sebuah institusi antarabangsa di barat. Sebuah artikel berjudul "Transformasi Pengetahuan" antara lain menyatakan bahawa ilmu pengetahuan dan kemahiran berkerja hanya mewakili 15% dari faktor kecemerlangan individu di bidang kerjaya sedangkan 85% lagi diwakili oleh faktor etika moral dan kemahirannya dalam berinteraksi dengan pihak lain.

Ini telah mendorong fakuliti ekonomi di berbagai universiti untuk mengambil langkah memasukkan subjek etika, citarasa dan kemahiran interaksi ke dalam program pengajian mereka. Sebenarnya inilah yang kita selaku kaum muslimin mendefinasikannya sebagai pendidikan rohaniah Islam – tarbiyyah sufiyyah yang soheh lagi jelas.

Dengan dukacita saya mohon maaf kerana memuatkan petikan tadi yang sebenarnya berasal dari tamadun Arab Islam namun realitinya sekarang sedang diamalkan sebagai tamadun di barat. Malang sekali untuk mengakui bahawa inilah keaadan umat kita sekarang, kita enggan untuk percaya dan yakin kecuali jika kajiannya datang dari barat atau timur dengan bahasa ketamadunan -kononnya- lalu kita pun menjadi pak turut dan mengikut mereka. Hasilnya kita pun menurut saja istilah yang mereka berikan dan sama sekali tidak berani mengubah, meminda, serta membuang (mana yang tidak sesuai) dan menambah (apa yang patut) kerana takut melanggar apa yang dinamakan sebagai undang-undang hak cipta.

Tetapi kalau yang datang kepada kita itu satu perkhabaran atau hikmah, atau kajian yang berasal dari ahli Tasawwuf Islam dikalangan para awliya dan ulama'ul amilin maka tonggang terbaliklah dunia ini -oleh golongan tentera upahan- mengubah, membuang dan menokok tambah kalam para awliya tadi dengan sesuka hati mereka kerana dalam hal ini mereka menganggap tiada siapa pun yang mengawasi penipuan dan pemalsuan yang mereka lakukan. Lebih malang lagi kumpulan ini melempar tuduhan bathil terhadap ahli suluk, ahli *iradah* dan *wilayah,* target mereka menjauhkan kaum muslimin dari para ahli istiqamah dan sirathol mustaqim dengan cara melakukan pemalsuan dan pembohongan keatas para ahli syariat, hakikat dan tareqat. Orang berakal takkan sanggup melakukan pekerjaan mereka ini jika dia berfikiran waras dan jujur dengan Allah. Tujuan sebenar mereka tak kira dengan sengaja atau pun tidak:-

Pertama: Berkhidmat kepada musuh agama dan umat Islam.

Kedua: Melalui kerja-kerja ini mereka mengkhidmati kemunafikan dan pendustaan mereka seperti yang sudah sedia maklum mengenai peribadi mereka di setiap zaman. Mereka tidak mampu bersenang hati melihat ahli sufi yang istiqamah mempraktis sifat istiqamah, mereka tidak mampu bersenang hati melihat ahli sufi yang amanah mempraktis sifat amanah, mereka tidak mampu bersenang hati melihat ahli sufi yang ikhlas mempraktis sifat ikhlas. Penyair ada menyebut:

وكم من عائب قولا سليما وآفاته من الفهم السقيم

kata yang benar lagi diaib orang banyak
sebenarnya itu masalah pada faham yang rosak

Seorang lagi penyair bermadah:

ومن يك ذا فم مريض يجد مرا به الماء الزلال

rosak sudahlah deria orang yang sakit mulut
air yang segar jadi pahit pada rasanya

Allah Taala berfirman dalam kitabNya yang mulia:

وَإِنَّ فَرِيقًا مِّنْهُمْ لَيَكْتُمُونَ ٱلْحَقَّ وَهُمْ يَعْلَمُونَ

"...dan sesungguhnya sebahagian dari mereka menyembunyikan kebenaran sedangkan mereka mengetahunya"- **Al-Baqarah: 136**

Dalam ayat lain Allah berfirman:

وَجَحَدُوا۟ بِهَا وَٱسْتَيْقَنَتْهَآ أَنفُسُهُمْ ظُلْمًا وَعُلُوًّا

"...dan mereka mengingkarinya secara zalim dan sombong angkuh sedang hati mereka meyakini kebenarannya"- **An-Naml:14**

Marilah kita beristighfar kepada Allah Azza Wajalla dari mereka yang menurut hawa nafsu sebegini.

Hakikat Yang Diakui Bersama

Mana-mana orang muslim di seluruh dunia Islam semuanya sedarkan semua hakikat ini sejak dahulu hingga sekarang. Mereka semua mengerti betapa pentingnya didikan, sifat istiqamah dan segala adab kerana Allah ﷻ berfirman:

وَأَلَّوِ ٱسْتَقَـٰمُوا۟ عَلَى ٱلطَّرِيقَةِ

"Dan bahawa sesungguhnya kalaulah mereka itu berjalan istiqamah di atas perjalanan..."- **Al-Jinn: 16**

dan lagi firman Allah mengenai junjungan baginda nabi kita Saiyidina Muhammad Rasulullah ﷺ:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

"Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat agung"- **Al-Qalam: 4**

manakala baginda Nabi ﷺ pula bersabda:

أدبني ربي فأحسن تأديبي.

"Tuhanku telah mengajarkan adab kepadaku dan Dia telah benar-benar baik mengajarkan adab kepadaku",

sabda baginda lagi kepada seorang sahabatnya yang mulia:

قل آمنت بالله ثم استقم.

"Katakanlah: Aku beriman dengan Allah, kemudian hendaklah kamu istiqamah",

sabda baginda lagi:

إنما بعثت لأتمم الأخلاق.

"Demi sesungguhnya aku diutuskan adalah untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak",

sabda baginda lagi:

أقاربكم مني مجلسا يوم القيامة أحاسنكم أو أحسنكم أخلاقا.

"Orang yang paling hampir kedudukannya disisiku pada hari kiamat nanti ialah yang paling baik akhlaknya dikalanganmu"

Sabda baginda lagi:

الدين المعاملة.

"Agama adalah muamalah (interaksi)"

Dari semua teks yang kita ketengahkan dan banyak lagi yang lain jelaslah bagi kita bahawa tarbiyyah, adab dan muamalah adalah perkara-perkara yang amat penting dalam kehidupan kaum muslimin, mukminin dan muhsinin.

Cukuplah sekadar ini bicara kita demi mengkoreksi diri, meluruskan kefahaman kita dan seterusnya menyuburkan, kemudian menyuburkan dan terus menyuburkan keyakinan kita kepada diri sendiri dengan cara menyubur keyakinan kita kepada Allah Azza Wajalla, menyuntik semangat juang yang tinggi melalui galakan, penyertaan dan memberi peluang kepada semua demi kebangkitan umat kita, demi kemuliaan, kecemerlangan dan kesatuan negara kita. Tinggalkanlah kekalahan dan sifat menyerah demi masa depan yang cerah dan mulia dengan akhlak baginda nabi kita yang mulia, dengan peradaban rabbani dan didikan Islam yang sufi.

Marilah mencari -dengan penuh kesungguhan, keikhlasan dan amanah- guru-guru mursyid yang dimaksudkan itu – semoga Allah meredhai mereka semua-, walaupun bilangan mereka sedikit namun keberadaan mereka di setiap zaman adalah pasti, sanad (hubungan) mereka bersambung ke hadrat junjungan baginda Muhammad Rasulullah ﷺ baik di sudut perkataan dan perbuatan, zahir dan batin, gerak dan diam serta syariat dan hakikat.

وأسألك يا الله يا الله يا الله أن ترزقني وكل من أحبه شفاعته صلى الله عليه وعلى آله ومرافقته يوم الحساب من غير مناقشة ولا عذاب ولا توبيخ ولا عتاب وأن تغفر لي ذنوبي وتستر عيوبي يا وهاب يا غفار وأن تنعمني بالنظر إلى وجهك الكريم في جملة الأحباب يوم المزيد والثواب وأن تتقبل مني عملي وأن تعفو عما أحاط علمك به من خطيئتي ونسياني وزللي وأن تبلغني من زيارته والتسليم عليه وعلى صاحبيه غاية أملي بمنك وفضلك وجودك وكرمك يا رءوف يا رحيم يا ولي.

Allahumma aku bermohon padaMu ya Allah, ya Allah, ya Allah agar Engkau mengurniakan syafaat baginda padaku dan pada semua yang mencintai hadratnya, jadikanlah kami dapat bersama baginda di hari perhitungan nanti dengan tidak disoal jawab, tidak diazab, tidak dicela dan tidak ditegur. Ampunilah segala dosaku dan tutuplah keaibanku wahai Tuhan yang Maha Mengurnia lagi Maha Mengampun. Masukkanlah aku ke dalam golongan kekasih yang akan memandang wajahMu yang mulia di hari ganjaran baik yang berlipat kaliganda. Terimalah amalanku, maafkanlah segala yang tidak tersembunyi dari pengetahuanMu pada kesalahanku, kealpaanku dan kegelinciranku. Tunaikanlah cita-citaku yang tertinggi untuk menziarahi hadrat baginda serta mengucap salam padanya beserta dua sahabatnya dengan berkat kurniaMu, budiMu dan limpah pemberianmu wahai Tuhan yang Maha Belas Kasihan, Maha Rahim lagi Maha Membela.

وأن تجازيه عني وعن كل من آمن به واتبعه من المسلمين والمسلمات الأحياء منهم والأموات أفضل وأتم وأعم ما جازيت به أحدًا من خلقك يا قوي يا عزيز يا علي وأن تصلي عليه وعلى آله عدد خلقك ورضاء نفسك وزنة عرشك ومداد كلماتك وأن تعطيه الوسيله والفضيله والدرجة الرفيعه والحوض المورود والمقام المحمود والعز الممدود.

Ya Allah kurniakanlah ganjaranMu yang paling afdhal, paling sempurna dan paling meliputi pada ciptaanMu atas budi baginda kepadaku dan seluruh orang beriman yang mengikut baginda dikalangan muslimin dan muslimat yang masih hidup mahu pun yang telah meninggal dunia wahai Tuhan yang Maha Kuat dan Maha Perkasa. Ya Allah kurniakanlah selawatMu keatas baginda dan ahli keluarganya dengan sebanyak bilangan makhlukMu, keredhaanMu, berat timbangan arashMu dan titisan dakwat kalimahMu. Kurniakanlah kepada baginda akan wasilah, kelebihan, darjat yang tinggi, haudh sumber minuman di padang mahsyar, maqam yang terpuji dan kemuliaan yang berkepanjangan.

وأن تعظم برهانه وأن تشرف بنيانه وأن ترفع مكانه وأن تستعملنا يا مولانا بسنته وأن تميتنا على ملته وأن تحشرنا في زمرته وتحت لوائه وأن تجعلنا من رفقائه وأن توردنا حوضه وأن تسقينا بكأسه وأن تنفعنا بمحبته وأن تتوب علينا وأن تعافينا من جميع البلاء والبلواء والفتن ما ظهر منها وما بطن وأن ترحمنا وأن تعفو عنا وتغفر لنا ولجميع المؤمنين والمؤمنات والمسلمين والمسلمات الأحياء منهم والأموات والحمد لله رب العالمين هو حسبي ونعم الوكيل ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم.

Ya Allah agungkanlah bukti baginda, tinggikan kedudukannya, angkatkan darjatnya dan jadikanlah kami wahai Tuhan beramal dengan sunnahnya, matikanlah kami dalam agamanya, bangkitkan kami di padang mahsyar bersama golongannya di bawah panjinya, jadikanlah kami para temannya, sampaikanlah kami pada sumber minumannya, berilah kami minum dari gelas baginda, jadikanlah mahabbah baginda itu menolong kami, taubatkanlah kami ya Allah, lepaskanlah kami dari segala bala bencana dan pancaroba yang zahir dan yang sembunyi, rahmatilah kami dan maafkanlah kami, ampunilah kami dan seluruh kaum mukminin dan mukminat, muslimin dan muslimat yang masih hidup dan yang telah meninggal dunia, dan segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, cukuplah Allah bagiku, Dia-lah sebaik-baik penolongku, tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.

وآخر دعونا أن الحمد لله رب العالمين وإن رحمة الله قريب من المحسنين "المريدين الصادقين" سبحان ربك رب العزة عما يصفون وسلام على المرسلين والحمد لله رب العالمين وصلى الله على سيدنا ومولانا محمد رسول الله صلى الله عليه وسلم النبي الأمي وعلى آله وصحبه وأزواجه أجمعين.

Penghujung doa kami panjatkan segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, dan sesunguhnya rahmat Allah itu dekat dengan golongan muhsinin iaitulah murid-murid sejati. Maha Suci Tuhanmu dari sifat kekurangan, salam keatas para mursalin, segala puji bagi Allah robbil alamin. Selawat dan salam keatas junjungan baginda Nabi kami Saiyidina Muhammad Rasulullah Nabi yang ummiy beserta isteri-isterinya, ahli keluarga dan seluruh para sahabatnya.

RM20.00

Buku yang berada di tangan sidang pembaca budiman ini diberi judul MURID SEJATI (Al Mureed as-Sodiq) oleh guruku dan sandaranku, As Syeikh Al Kamil Abdun Nasir As-Syazili Al-Hasani, ~ semoga Allah memuliakan kami dengannya dunia dan akhirat ~.

Buku ini menekankan fokusnya di sudut amalan dengan tema, "Ini ilmunya, maka mana amalan bahkan mana adabnya," dan inilah makna sempurna terhadap kalimat taqwa yang disebut dengan tegas dan berkali-kali dalam al-Quran seperti firmanNya yang bermaksud,

"...dan hendaklah kamu membawa bekal maka sesungguhnya sebaik-baik bekal adalah taqwa."

Al-Baqarah: 197

PENAJA
ZAWIYAH AS-SYAZILIYYAH MALAYSIA
TABIB ABU BAKAR AS-SIDDIQ AR-RAZZI
(TABIB NUR ~ PENGASAS PUSRATU)